



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.41 SUBUH 4.51 SYURUK 6.08 DUHA 6.31 ZUHUR 12.12 ASAR 3.22 MAGHRIB 6.14 ISYAK 7.22 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 117

28 SEPTEMBER 2024 / 1446

بیان الی 24

MANISNYA IMAN ایمان

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Dari Abi Adarda'e ia berkata : Saya mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Dan sesungguhnya para ulama adalah pewaris para nabi. Dan sesungguhnya para nabi tidak mewarisi umatnya dengan wang ringgit tetapi mereka mewariskan ilmu pengetahuan".

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

KOMITED TERUSKAN KERJASAMA RAPAT DENGAN PBB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Resepsi sempena memperingati Ulang Tahun Ke-40 Keahlian Negara Brunei Darussalam dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York City, Amerika Syarikat. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3 dan 4).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



MAJLIS Bertahlil sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31

Muka 7



BERKONGSI amalan terbaik dalam kerjasama kehakiman

Muka 11

AMEM Ke-42 pastikan kelancaran usaha kolektif mengukuhkan Komuniti ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Jumaat, 27 September. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kini berada di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN

(AMEM) Kali Ke-42 dan Mesyuarat-mesyuarat yang Berkaitan Dengannya yang diadakan di Pusat Konvensyen Nasional, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pada 26 dan 27 September 2024.

Yang Berhormat merupakan Menteri yang bertanggungjawab ke atas Tenaga turut diiringi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Haji Rosli bin Haji Yacub;

Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, selaku Ketua Pegawai Kanan Tenaga ASEAN bagi NBD dan pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga di JPM.

Republik Demokratik Rakyat Lao sebagai tuan rumah kepada AMEM Kali Ke-42 dan Mesyuarat-mesyuarat yang Berkaitan Dengannya.

>> Muka 7



FORUM Ekonomi Digital 2024 : Memperkasa transformasi digital Brunei

Muka 15

Bekerjasama menangani cabaran serantau utama

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Khamis, 26 September. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menghadiri Mesyuarat Ke-32 Majlis Komuniti Sosio-

Budaya ASEAN (ASCC) yang diadakan di Hotel Landmark Mekong Riverside, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Mesyuarat yang bertemakan 'Enhancing Connectivity and Resilience' tersebut dipengerusikan oleh Menteri Penerangan,

Kebudayaan, dan Pelancongan Lao Republik Demokratik Rakyat Lao, Puan Yang Terutama Suanesavanh Vignaket selaku Pengurusi Majlis ASCC 2024.

Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Menteri-menteri ASCC Negara-negara Ahli ASEAN atau wakil, serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Tunggak ASCC. Timor-Leste juga hadir sebagai negara pemerhati.

>> Muka 8



RENCANA TINGKATKAN kesejahteraan fizikal pesakit melalui fisioterapi

Muka 25

BERANGKAT MENINGGALKAN NEW YORK CITY, AS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berangkat meninggalkan New York City, Amerika Syarikat (AS) selepas menghadiri Sidang Kemuncak Summit of the Future at the 79th Session of the United Nations General Assembly (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Muhammad Asri Haji Awab, Hernie Suliana Haji Othman

NEW YORK CITY, AMERIKA SYARIKAT, Selasa, 24 September.

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan New York City, Amerika Syarikat (AS) selepas menghadiri Sidang Kemuncak Summit of the Future at the 79th Session of the United Nations

General Assembly berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Haji Zakaria.



Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy bagi menyembahyang ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke AS, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali; dan Pemangku Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB di New York City, AS, Dayang Izzat Hayati binti Haji Zakaria.



WAKTU SEMBAHYANG

September MASIHI	HARI	Rabiulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	SABTU	24	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.22
29	AHAD	25	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	ISNIN	26	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22
1 Oktober	SELASA	27	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
2	RABU	28	4.40	4.50	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	KHAMIS	29	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
4	JUMAAT	30	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU Bandar Seri Begawan	AHAD	ISNIN
33 °C 	33 °C 	32 °C
25 °C 	25 °C 	24 °C
Pekan Bangar		
33 °C 	33 °C 	32 °C
25 °C 	25 °C 	24 °C
Pekan Tutong		
33 °C 	33 °C 	32 °C
25 °C 	25 °C 	24 °C
Kuala Belait		
33 °C 	33 °C 	32 °C
25 °C 	25 °C 	24 °C

WallahuAlam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 28 SEPTEMBER 2024

Amanahlah dalam setiap aspek kehidupan

AMANAH adalah salah satu sifat terpuji yang dituntut di dalam Islam. Setiap orang mempunyai amanah dan tanggungjawab yang perlu ditanai dalam semua aspek kehidupan. Setiap manusia mestilah sentiasa memikul amanah, baik amanah pada diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara maupun agama.

Adapun antara contoh yang boleh dikaitkan dengan amanah itu adalah mengamalkan sikap amanah dalam pekerjaan, tidak kira sama ada seorang itu bekerja sendiri, bekerja di sektor awam maupun sektor swasta.

Perkara tersebut ditekankan menerusi Khutbah Jumaat pada minggu ini dengan membawakan tajuk, 'Tertunaikah Sudah Amanah'.

Sesungguhnya seorang pekerja yang amanah melihat pekerjaan itu sebagai tanggungjawab yang bakal dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang satu-satu jawatan dalam pekerjaan dalam kerajaan hendaklah sentiasa berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan.

Sebagai hamba yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita dianjurkan berusaha mencari rezeki dan harta yang halal bagi menyara kehidupan. Dengan memperolehi rezeki yang halal akan menjadikan kehidupan seseorang diberkati dengan ketenangan dan kedamaian, sekali gus mewujudkan sikap dan sifat yang baik dalam diri kita seperti kejujuran, kerendahan hati dan sebagainya.

Allah Subhanahu Wata'ala sangat menyukai hamba-Nya yang memperelokkan pekerjaannya. Kerja yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh menggambarkan kesempurnaan iman dan takwa, ketulusan hati, keluhuran budi serta kemulian akhlak yang semua sifat itu akan dikira oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam menentukan amal hamba-Nya diterima atau sebaliknya. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi, daripada Sayidatina Aisyah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya :

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti".

Menerusi Khutbah Jumaat tersebut, kita diingatkan agar sentiasa amanah dan melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan diri, potensi dan kapakaran yang dimiliki dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan.

Oleh itu, seorang pekerja mestilah berusaha bersungguh-sungguh demi menjalankan amanah dan melaksanakan sesuitu tugas dengan memikirkan bahawa hasil daripada pendapatan itulah yang akan menjadi sumber utama rezeki untuk diri sendiri dan juga keluarga.

Semoga apa jua pekerjaan yang kita lakukan tidak akan menjadikan kita hamba-Nya yang istidraj iaitu hamba-Nya yang alpa dan lahai dengan nikmat duniai maupun jauh daripada reda Allah Subhanahu Wata'ala. - Ketua Penyuntingan (Ad)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Komited teruskan kerjasama rapat dengan PBB

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi sempena memperingati Ulang Tahun Ke-40 Keahlian Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York City, Amerika Syarikat (AS) (atas dan kanan).

NEW YORK CITY, AMERIKA SYARIKAT, Selasa, 24 September.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan



Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi sempena memperingati Ulang Tahun Ke-40 Keahlian Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB) yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York City, Amerika Syarikat (AS).

Pada Majlis Resepsi ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah, di mana

baginda mengimbas kembali keahlian penting NBD ke pentas global sebagai anggota ke-159 PBB pada tahun 1984, dengan menyertai forum paling berprestij bagi masyarakat antarabangsa bagi kerjasama dan diplomasi.

Pada tahun yang sama, jelas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, NBD juga menjadi ahli kepada ASEAN, mengukuhkan lagi hubungan serantau dan kedudukan global negara. Keahlian-keahlian ini menandakan detik penting bagi NBD sebagai sebuah negara kecil dalam mendorong ke arah penglibatan yang bermakna dalam hubungan antarabangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama ketua-ketua negara dan kerajaan, wakil-wakil negara dan kerajaan, orang-orang kenamaan dari negara-negara anggota PBB serta organisasi-organisasi antarabangsa yang menghadiri Majlis Resepsi (atas, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



>> Muka 4





SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi (atas dan kanan).

>> Muka 3

Sebagai anggota PBB, Kebawah DYMM menekankan bahawa NBD telah mendapat manfaat daripada kerjasama dalam pembangunan mampan, kemajuan pendidikan dan kesihatan awam global. Penyertaan NBD bukan sahaja telah memperkaya negara berkenaan bahkan juga menyumbang kepada kemajuan kolektif masyarakat global.

Dalam hal ini jelas baginda, NBD berbangga dengan sumbangannya kepada PBB dan pelbagai kejayaan yang dicapai bersama melalui misi-misi pengamanan, sokongan terhadap pembasmian kemiskinan dan pendidikan inklusif bagi semua negara.

Baginda seterusnya bertitah bahawa dunia hari ini berada pada saat yang penting dan cabaran yang dihadapi adalah besar, namun, keazaman dan kekuatan kolektif kita kekal tidak berbelah

bahagi. Ke arah ini, NBD komited untuk terus bekerjasama rapat dengan semua negara Ahli PBB ke arah memastikan masa depan yang lebih baik bagi semua.

Terdahulu sebelum itu, keberangkatan tiba Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke AS, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Serbini bin Haji Ali; dan Pemangku Wakil Tetap NBD ke PBB di New York, AS, Dayang Izzat



Hayati binti Haji Zakaria.

Resepsi tersebut turut dihadiri oleh ketua-ketua negara dan kerajaan, wakil-wakil negara dan kerajaan, orang-orang kenamaan dari negara-negara anggota PBB serta organisasi-organisasi

antarabangsa.

NBD menyertai PBB sebagai negara ahli yang ke-159 semasa Sesi Ke-39 Perhimpunan Agung PBB pada 21 September 1984. Keahlian NBD dalam PBB telah dapat menyediakan peluang

sebagai sebuah negara kecil yang memainkan peranan penting di arena antarabangsa serta turut menyumbang kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan juga kemakmuran dan kestabilan global.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra pada Majlis Resepsi tersebut (atas kanan, bawah kanan dan bawah).



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haja Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Haja Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Haja Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Khamis, 26 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haja Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah yang

berlangsung di Dewan Utama Berkshire Tarindak d'Polo, hari ini. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Haja Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Haja Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haja Saleha berserta kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca

Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Penasihat Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H dan juga Pemangku Pengurus Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Pengendali Bersama.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengendali Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Penasihat-penasihat Bersama, Pengerusipengerusi Bersama daripada Pengendali-pengendali Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H dari

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, YSHHB dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Majlis dimulakan dengan Persembahan Bacaan Al-Quran oleh naib johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Tahun 1445H / 2024M, Dayangku Alya Shahirah binti Pengiran Haji Jofri.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam (Institusi Pengajian), KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H.

Dayang Hajah Mariana dalam sembah alu-aluannya menyembahkan, akal merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat berharga di mana akhir-akhir ini, isu tentang kesihatan mental banyak dibincangkan. Tidak dapat dinafikan sembahnya, kesihatan mental adalah juga sama pentingnya dengan kesihatan fizikal. Justeru, sembahnya lagi, akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

"InsyaaAllah dengan memelihara akal berpandukan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan dapat membantu kita menjalani kehidupan dengan penuh ketakwaan dan ketenangan," sembahnya.

Beliau terdahulu menyembahkan bahawa Majlis Perhimpunan Khas Wanita pada Tahun 1446H ini, adalah kali yang ke-31 sejak ia mula diadakan pada Tahun 1416H bersamaan Tahun 1995M. Sembahnya lagi, setiap tahun majlis tersebut dilaksanakan oleh KHEU dengan kerjasama MWNBD dan agensi kerajaan secara bergilir-gilir.



PERSEMBAHAN bacaan Al-Quran oleh Dayangku Alya Shahirah binti Pengiran Haji Jofri (atas), manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (atas dan bawah kanan).

>> Muka 5

Pada tahun ini sembahnya, agensi berkenaan ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan YSHHB.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan pegawai dan kakitangan KHEU, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, YSHHB dan MWNBD.

Ini diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam' oleh Psikologis Klinikal / Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan. Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan selawat oleh pelajar Tahun 4 dan 5, Sekolah Rendah YSHHB.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berangkat meninggalkan majlis setelah selesai acara.



HAYATI SUNNAH DALAM MEMELIHARA AKAL



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

PSIKOLOGIS KLINIKAL/KETUA STRATEGI KESIHATAN MENTAL, PUSAT PROMOSI KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, DAYANG NOR SYAHMUN BINTI HAJI MATASSAN SEMASA MENYAMPAIKAN CERAMAH KHAS (ATAS). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



JERUDONG, Khamis, 26 September. - Islam termasuklah sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menekankan kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan diri.

Justeru, sebagai umatnya kita semua mesti terus istiqamah dalam mananai tanggungjawab kita terutama sebagai seorang wanita yang menjaga kesihatannya dalam semua aspek, baik daripada aspek fizikal maupun mental.

Perkara demikian dikongsikan oleh Psikologis Klinikal / Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun

binti Haji Matassan semasa menyampaikan Ceramah Khas pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah.

Dalam Ceramah Khasnya yang bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' antara lain mengongsikan beberapa sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang terkait dengan penjagaan akal, yang bukan sahaja boleh memperkuuhkan amalan rohani tetapi juga meningkatkan kesejahteraan kita semua secara keseluruhan.

Menurutnya, sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang pertama, yang boleh membantu kita memelihara akal dan menjaga diri ialah menunaikan sembahyang (tepat pada waktunya).

"Indahnya sembahyang (psikoterapi melalui sembahyang) terletak pada adanya ayat-ayat Al-Quran dibacakan di dalamnya, adanya zikir-zikir memuji Allah Subhanahu Wata'ala serta adanya doa-doa yang meminta pertolongan dari-Nya," ujarnya semasa Ceramah Khas yang berlangsung di Dewan Utama Berkshire Tarindak d'Polo, hari ini.

Jelasnya, dengan mengerjakan sembahyang secara khusuk

akan menghadirkan rasa tenang, tenteram dan damai. Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kedua jelasnya ialah menunaikan ibadah puasa di mana dalam ibadah puasa, terdapat unsur latihan bagi seseorang untuk bersabar dalam menahan rasa haus dan lapar, menahan marah serta menahan diri daripada berbuat perkara yang tidak baik.

Beliau seterusnya menjelaskan, sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah sentiasa dekat dengan Al-Quran di mana terdapat banyak kajian ilmiah yang menunjukkan bahawa membaca atau mendengar ayat-ayat Al-Quran dapat membantu memulihkan minda daripada mengalami tekanan (stres), keresahan (anxiety) dan gejala kemurungan (depression).

Sunnah yang keempat pula tambahnya ialah sentiasa berzikir dan berdoa, sama ada waktu dalam susah, mahupun senang di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan para sahabat untuk sentiasa berzikir dan berdoa untuk memperkuat hubungan mereka dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan mendekatkan diri kepada-Nya setiap saat.

Manakala katanya, sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kelima ialah mengamalkan cara hidup yang sihat dan aktif di mana bersenam sememangnya diketahui dapat

meningkatkan mood kita kerana dengan bersenam hormon boleh memicu rasa senang dan bahagia serta meredakan rasa tekanan atau stres.

"Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang keenam dalam pemeliharaan akal ialah mengamalkan *mindfulness* atau muraqabah iaitu amalan yang melibatkan memfokuskan perhatian pada pengalaman dalaman dan luaran semasa. Muraqabah merupakan kesedaran atau kepekaan atau memerhati dengan penuh fokus," ujarnya lagi.

Pengamalan muraqabah itu jelasnya, ditambah lagi dengan kita merasakan Allah Subhanahu Wata'ala dekat dengan kita pada setiap masa, ia boleh memberikan pemeliharaan secara holistik kepada kesejahteraan akal kita.

Beliau seterusnya mengongsikan, sunnah ketujuh ialah menjaga kebersihan di mana berkaitan dengan mendirikan solat tepat pada waktunya, lazimnya sebelum mendirikan sembahyang, kita perlu membersihkan atau mensucikan diri dengan berwuduk.

Dan akhir sekali katanya, sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memelihara akal ialah sentiasa membantu orang lain di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggalakkan kita semua untuk sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

AMEM Ke-42 pastikan kelancaran usaha kolektif mengukuhkan Komuniti ASEAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN (AMEM) Kali Ke-42 dan Mesyuarat-mesyuarat yang Berkaitan Dengannya yang diadakan di Pusat Konvensyen Nasional, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pada 26 dan 27 September 2024 (atas dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Menyuarat AMEM Kali Ke-42; dan Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Malaysia, Yang Amat Berbahagia Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, selaku Timbalan Pengurus AMEM, bersama-sama merasmikan secara serentak Majlis Pembukaan bagi Mesyuarat AMEM Kali Ke-42 dan juga Forum Perniagaan Tenaga ASEAN (AEBF) 2024.

Dialog perbincangan dengan Timbalan Ketua Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) dan Agensi

Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA) juga telah diadakan bersempena dengan Mesyuarat AMEM Kali Ke-42 itu.

Mesyuarat juga telah mengalukan kehadiran Menteri Petroleum dan Sumber Mineral Timor-Leste sebagai Observer.

Dengan bertemakan 'ASEAN : Enhancing Connectivity and Resilience', AMEM Ke-42 pada tahun ini menekankan kepentingan Mesyuarat AMEM sebagai landasan untuk memastikan bahawa usaha-usaha kolektif ASEAN di dalam mengukuhkan Komuniti ASEAN bagi merebut peluang dan menangani cabaran semasa dan yang akan datang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

ia juga bertanggungjawab dalam

memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan ASEAN untuk Kerjasama Tenaga (APAEC) yang mana pelan ini berperanan penting dalam memacu keselamatan tenaga, kebolehcapaian, kemampuan dan kemapanan di dalam ASEAN.

Mesyuarat juga telah menekankan kemajuan di dalam membangunkan APAEC Pasca-2025 yang merujuk kepada Pelan Strategik AEC 2026-2030 yang mana menekankan kepentingan untuk mencipta pelan sektor bagi menangani cabaran-cabaran tenaga yang berkembang di rantau ini dan *megatrends* yang global.

AMEM Kali Ke-42 ini juga mengambil maklum akan kepentingan perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan terutamanya Negara-negara Anggota ASEAN (AMS), Rakan

Kongsi Dialog (DP) dan Organisasi Antarabangsa (IO) di dalam memastikan bahawa APAEC Pasca-2025 mencerminkan pelbagai perspektif dan keutamaan. Mesyuarat tersebut dengan itu telah menyokong tema bagi APAEC 2026-2030 iaitu Advancing Regional Cooperation in Ensuring Energy Security and Accelerating Decarbonisation for a Just and Inclusive Energy Transition.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, juga berkesempatan mengadakan sesi rangkaian dengan Ketua Perwakilan lain dari Negara Anggota ASEAN, termasuk Pengurus Mesyuarat AMEM Kali Ke-42, Menteri Tenaga dan Perlombongan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Yang Berhormat Phosay Sayasone; dan Menteri Petroleum dan

Sumber Mineral Timor-Leste, Yang Berhormat Francisco Da Costa Monteiro.

Mesyuarat Peringkat Menteri itu juga telah mengadaptasi Kenyataan Bersama AMEM Kali Ke-42 dan juga Kenyataan Bersama AMEM +3 Kali Ke-21.

Selain daripada AMEM Kali Ke-42 ini, mesyuarat yang diadakan selama dua hari itu telah berlangsungnya beberapa buah

Mesyuarat peringkat Menteri yang berkaitan iaitu Sesi Dialog antara Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan IEA dan IRENA; AMEM +3 Kali Ke-21; dan Mesyuarat Kemuncak Asia Timur Menteri-menteri Tenaga ASEAN Kali Ke-18 yang mana telah dipengerusikan oleh Republik Demokratik Rakyat Lao.

AMEM Kali Ke-43 seterusnya akan diadakan di Malaysia.

MAJLIS BERTAHLIL SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) petang tadi mengadakan Majlis Bertahlil sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhum Duli

Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 Tahun 2024; dan Pemangku Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Saifulle bin Haji Sabtu.

Mengetuai bacaan Tahlil pada majlis tersebut adalah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Tanah Jambu, Awang Mohd. Saifulle bin Rosli.

Juga hadir, Timbalan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri di JPM (Tenaga), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, Tahun 2024.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan kerajaan yang hadir pada Majlis Bertahlil sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 (kiri dan kanan).

KERJASAMA NBD, CHINA MEMACU PEMBANGUNAN, KESTABILAN SERANTAU



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Rabu, 25 September.

- Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam (NBD) memiliki hubungan yang erat dalam sama-sama membangun dengan menunjukkan contoh keharmonian serta nilai kerjasama yang memberikan manfaat bersama.

Di bawah kepimpinan strategik kedua-dua buah negara, kedua-dua pihak menikmati persefahaman politik yang mendalam, kerjasama yang membawa hasil dalam pelbagai bidang, penyelarasaran rapat dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa, yang bukan sahaja membawa manfaat kepada

kedua-dua negara, malah turut menyumbang kepada keamanan, pembangunan dan kestabilan serantau.

Perkara itu antara yang ditekankan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dalam ucapannya pada Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Penubuhan Republik

Rakyat China, yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman dan isteri, Pengiran Datuk Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan bagi kedua-dua negara, diikuti dengan tayangan video Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Penubuhan Republik Rakyat China dan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Acara diteruskan dengan upacara memotong kek dan sesi bergambar ramai dengan diplomat-diplomat asing ke negara ini.

Acara kemudian dimeriahkan lagi

dengan Persembahan Demonstrasi Gendang daripada Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait dan disusuli dengan tarian tradisi China daripada Sichuan.

Ini diikuti dengan Persembahan Demonstrasi Nando, Tai Chi dan Nanquan daripada Pasukan Wushu Brunei dan seterusnya demonstrasi wushu daripada atlet China dan diselitkan dengan cabutan angka bertuah.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kanan), manakala gambar kanan sekali, acara dimeriahkan dengan Persembahan Demonstrasi Gendang daripada Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait dan disusuli dengan tarian tradisi China daripada Sichuan.

Bekerjasama menangani cabaran serantau utama

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Mesyuarat Majlis ASCC Ke-32 memberi tumpuan kepada keutamaan serantau di bawah Tuggak ASCC, termasuk kelestarian alam sekitar, kedayatahanan kesihatan dan perlindungan sosial. Mesyuarat menekankan akan pentingnya kerjasama serantau serta menyambut baik perkembangan dalam penyediaan Pelan Strategik ASCC Pasca-2025, yang merangkumi langkah-langkah strategik tunggal ASCC dalam beberapa bidang hasil utama untuk menyokong matlamat jangka panjang Visi Komuniti ASEAN 2045.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menekankan keperluan untuk mengimbangi keperluan generasi sekarang dan akan datang serta pentingnya meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kerja-kerja ASEAN dan bagaimana ia memberi impak secara langsung kepada kehidupan mereka.

Yang Berhormat menekankan peranan penting kerjasama di antara sektor dan tonggak dalam menangani cabaran

serantau utama dan seterusnya menyatakan sokongan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap dokumen hasil di bawah ASCC untuk yang akan dihadapkan untuk pengesahan Ketua-ketua Kerajaan / Negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45.

Mesyuarat Ke-32 Majlis ASCC didahului oleh Mesyuarat Ke-7 Ad-Hoc Working Group to Develop ASCC Post-2025 Strategic Plan, Mesyuarat Ke-7 Working Group on Culture of Prevention, dan Mesyuarat Ke-37 Senior Officials Committee for the ASCC (SOCA) yang telah berlangsung dari 23 hingga 25 September 2024.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Ketua SOCA NBD serta pegawai-pegawai dari KKBS.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Mesyuarat Ke-32 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC).



LIBATKAN GENERASI MUDA DALAM MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN



NEGARA Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebagai Ketua Delegasi pada Meja Bulat Menteri Pelancongan bagi Ekspos Pelancongan Jepun (Tourism Expo Japan - TEJ) Ke-7 yang diadakan di Ekspos Pelancongan Jepun pada 26 hingga 29 September 2024 (atas dan atas kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Meja Bulat Menteri Pelancongan bagi Ekspos Pelancongan Jepun (Tourism Expo Japan - TEJ) Ke-7 dengan kerjasama Pertubuhan Pelancongan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Tourism) telah diadakan di Ekspos Pelancongan Jepun pada 26 hingga 29 September 2024.

Ahli panel bagi Meja Bulat ialah Pengarah Serantau untuk Asia dan Pasifik, Pertubuhan Pelancongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Hae Guk Hwang; Pengarah Urusan, Asia Pasifik, World Travel & Tourism

Council (WTTC) Liz Ortigera dan Pengarah Eksekutif, European Tourism Commission (ETC), Eduardo Santander.

Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin sebagai Ketua Delegasi.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim serta pegawai-pegawai Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Meja Bulat Menteri TEJ Ke-7



di Ekspos Pelancongan Jepun 2024 memfokuskan pada tema 'Creating a New Travel Journey', dengan tumpuan untuk melibatkan golongan muda dalam membentuk masa depan pelancongan.

Perbincangan tersebut menekankan peranan penting generasi muda dalam memacu inovasi dan transformasi dalam industri yang berkembang pesat. Meja Bulat tersebut menekankan kepentingan memberi inspirasi kepada belia untuk mempertimbangkan bagaimana pendigitalan, kemampanan dan perubahan tingkah laku pelancong boleh membentuk masa depan pelancongan, meminta penglibatan aktif mereka dalam membayangkan semula landskap perjalanan.

Meja Bulat seterusnya membincangkan strategi untuk meningkatkan kualiti dan nilai tawaran pelancongan, dengan tujuan untuk mencipta pengalaman yang lebih bermakna dan tidak dapat dilupakan untuk pelancong. Penekanan diberikan kepada peralihan ke arah model pelancongan berdasarkan nilai yang memberikan pengalaman tersendiri dan tersusun sekali gus menonjolkan warisan budaya dan alam semula jadi yang unik bagi setiap destinasi.

Pendekatan ini meningkatkan pengalaman pelancong tetapi juga menggalakkan pemeliharaan budaya dan ekosistem tempatan, memastikan pembangunan

pelancongan mampan di samping memupuk ketablian ekonomi jangka panjang dan memupuk hubungan yang lebih mendalam antara pelancong dan tempat yang mereka kunjungi.

Satu lagi bidang utama yang menjadi perbincangan di Meja Bulat ialah kepentingan budaya pelancongan, terutamanya melalui lensa pelancongan gastronomi. Pengalaman kuliner diiktiraf sebagai medium yang berkuasa untuk memupuk pemahaman budaya yang lebih mendalam, menawarkan pengunjung peluang untuk terlibat dengan destinasi tumpuan melalui tradisi makanannya yang kaya.

Pelancongan gastronomi bukan sahaja meningkatkan pengalaman pengunjung keseluruhan tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi tempatan dengan memperkenalkan masakan serantau dan memperkisasikan pengeluar makanan tempatan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika berucap pada Meja Bulat Menteri TEJ Ke-7 tersebut, menekankan bahawa golongan muda memainkan peranan penting sebagai tenaga kerja utama dan bakal pemimpin masa depan dalam industri pelancongan.

Melibatkan golongan muda sebagai juara baharu pelancongan masa depan adalah penting untuk memupuk pelancongan bernilai tinggi. Komitmen kolektif mereka

terhadap kemampanan dan pemeliharaan alam semula jadi serta budaya di seluruh wilayah akan membentuk masa depan industri.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa pelancongan regeneratif sangat dihargai kerana tumpuannya terhadap kualiti dan keterangkuman, menggabungkan pemuliharaan alam sekitar dengan pelancongan berasaskan komuniti.

Ini adalah selaras dengan pelan strategik NBD untuk menawarkan pelancong pengalaman bermakna, berkualiti tinggi di samping menjadikan usaha pemuliharaan bagi manfaat ekonomi untuk komuniti tempatan dan juga alam semula jadi sekali gus menyumbang kembali kepada alam semula jadi dan melibatkan masyarakat tempatan.

Penglibatan aktif NBD dalam Ekspos Pelancongan Jepun 2024 menekankan komitmennya untuk mempromosikan pelancongan yang mampan, bernilai tinggi sambil memupuk kerjasama antarabangsa dan memperkenalkan potensi negara sebagai destinasi untuk pelancongan budaya, pengembangan dan alam semula jadi. NBD juga berusaha untuk bekerjasama rapat dengan ejen Jepun, membentuk perkongsian strategik untuk membawa lebih banyak kumpulan pelancongan ke NBD dan seterusnya meningkatkan sektor pelancongannya.

PPDB adakan Latihan Mara Lasak 5 Oktober

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Rabu, 25 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama penduduk yang tinggal berhampiran supaya tidak merasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

(jarak lebih kurang 10 kilometer).

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama penduduk yang tinggal berhampiran supaya tidak merasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024
2. 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024
3. 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

PELIHARA AKAL BERPANDUKAN SUNNAH RASULULLAH



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Ceramah Khas sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan khas, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammed Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Manakala bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diketuai oleh siswa Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin.

Majlis diteruskan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam' yang disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Penolong Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid.

Rashid.

Inti pati ceramah tersebut antara lain menekankan kepentingan Maqasid Syariah yang mana memelihara akal berpandukan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan anugerah yang sangat berharga daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan oleh itu, adalah sangat berharga dan wajib dipelihara dengan menerapkan nilai-nilai murni dan ilmu pengetahuan seperti mana yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Syarafil Anam yang dibawakan oleh Pasukan Dikir Lelaki Polis Diraja Brunei.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Tenaga di JPM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Penyelidikan Brunei merupakan salah satu aktiviti tahunan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi sama-sama menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan



Hari-hari Kebesaran Islam di samping meriah syaafat daripada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA.

Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

EDP Siri Ke-19 : Memperkasa pembangunan profesional



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Khamis, 26 September. - Seramai 29 peserta menerima sijil tamat Kursus Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri Ke-19 bagi Pegawai-pegawai Kanan dalam bidang Dasar Awam dan Pengurusan anjuran Kementerian Pertahanan pada majlis penutup yang berlangsung di Centrepoint Hotel, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejuri Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta dari negara-negara rakan sahabat; Setiausaha-setiausaha Tetap dari Kementerian-kementerian

dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei yang menyertai EDP; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera; Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama, wakil-wakil dari Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSP), National University of Singapore; Pengarah-pengarah;

pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan dan wakil-wakil daripada pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Pada majlis itu, Mejuri Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi dalam ucapannya antara lain menekankan mengenai



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri Ke-19 bagi Pegawai-pegawai Kanan dalam bidang Dasar Awam dan Pengurusan (atas dan kiri).

pentingnya untuk pegawai-pegawai kanan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi menguruskan dengan berkesan hubungan kompleks antara pertahanan dan matlamat kerajaan dalam ekonomi dan sosial yang lebih luas demi membentuk masa depan negara.

Beliau turut menyentuh kepelbagai (diversity) program EDP dari segi reka bentuk kurikulum dan profil pesertanya, yang selaras dengan pendekatan Whole of Nation untuk menangani pelbagai cabaran dunia pada zaman moden ini.

Dalam hal ini katanya, kepentingan untuk bertindak secara pantas dan proaktif dalam melaksanakan dasar-dasar awam yang bersifat forward-thinking dalam usaha sama untuk merealisasikan matlamat Wawasan

Brunei 2035. Sementara itu, Pemangku Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSHHB), Awang Haji Abdul Malik bin Haji Kamis pula mengongsikan sorotan keseluruhan program dan seterusnya menekankan komitmen institut di dalam memupuk pembelajaran yang berterusan dan memperkasakan pembangunan profesional.

Majlis kemudian disusuli dengan ucapan daripada ahli fakulti dari LKYSP, National University of Singapore, Profesor Tan Soo Jie Sheng dan Lettenan Kolonel Isewardy bin Murni selaku wakil peserta program, di mana beliau mengongsikan perspektif dan pengalaman para peserta di sepanjang program tersebut.

Di samping aspek pembangunan

kapasiti, program juga merupakan platform penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk meningkatkan diplomasi pertahanan negara dan mengeratkan hubungan pertahanan dengan negara-negara sahabat.

Dalam EDP Siri Ke-19, peserta dari tujuh negara sahabat turut mengambil bahagian, iaitu Republik Indonesia, Malaysia, Kesultanan Oman, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Program selama 12 minggu itu bermula pada 9 Julai lalu, dikendalikan oleh IPPSSHBB dengan kerjasama para akademik dan pakar-pakar yang berpengalaman dan terkenal dari LKYSP, National University of Singapore.

Secara amnya, program tersebut diharap dapat memberikan para peserta, ilmu dan pengetahuan mengenai dasar awam, pentadbiran dan pengurusan melalui sesi kuliah, pembentangan dari penceramah tempatan dan antarabangsa, serta lawatan sambil belajar ke kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terpilih bagi memperoleh kefahaman yang mendalam mengenai persekitaran strategik NBD.

Sebagai tambahan, para peserta juga berpeluang untuk membuat lawatan sambil belajar ke Republik Singapura pada 11 hingga 16 Ogos 2024 sebagai sebahagian daripada komponen luar program tersebut.

Setakat ini, seramai 476 pegawai-pegawai kanan telah berjaya mengikuti EDP anjuran Kementerian Pertahanan sejak ia bermula dan diperkenalkan pada tahun 2004.

BERKONGSI AMALAN TERBAIK DALAM KERJASAMA KEHAKIMAN



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa mengadakan lawatan ke Republik Rakyat China pada 8 hingga 12 September 2024 atas jemputan Mahkamah Agung Rakyat Republik Rakyat China.

REPUBLIC RAKYAT CHINA, Khamis, 26 September. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama delegasi pegawai-pegawai kanan Jabatan Kehakiman Negara mengadakan lawatan ke Republik Rakyat China pada 8 hingga 12 September 2024 atas jemputan Mahkamah Agung Rakyat Republik Rakyat China.

Lawatan itu merupakan lanjutan daripada Memorandum Kerjasama

(MoC) yang ditandatangani antara Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Mahkamah Agung Rakyat Republik Rakyat China pada 21 September 2004.

Lawatan itu menggalakkan pertukaran dua hala dan kerjasama kehakiman, di samping memperingati Ulang Tahun Ke-20 pemeterai MoC tersebut.

Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon turut mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Ketua Hakim

Negara Republik Rakyat China dan Presiden Mahkamah Agung Rakyat, Tuan Yang Terutama Zhang Jun pada 8 September lalu.

Turut hadir pada perjumpaan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdur Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar mengetengahkan Ulang Tahun Ke-20 pemeterai MoC dengan Mahkamah Agung Rakyat dan bagaimana ia mengesahkan hubungan lama antara NBD dan Republik Rakyat China.

Yang Amat Arif mengulangi komitmen Mahkamah Besar NBD untuk mengeratkan hubungan dua hala melalui kerjasama kehakiman berdasarkan MoC.

Yang Amat Arif juga menyatakan harapan agar dapat mengekalkan pertukaran yang kerap dan mengukuhkan kerjasama serta mengalukan kerjasama di masa hadapan dengan Mahkamah Agung Rakyat.

Jelas Yang Amat Arif lagi, melalui perkongsian tersebut, kita akan dapat menyediakan perkhidmatan kehakiman yang cekap yang akan menjadi manfaat bersama dalam menyokong kemakmuran dan pembangunan bersama.

Mesyuarat Dua Hala itu juga membincangkan mengenai pelbagai

bidang termasuk pendidikan dan latihan kehakiman, penggunaan penyelesaian pertikaian alternatif, teknologi mahkamah dan kedua-dua ketua hakim menyatakan hasrat untuk meneruskan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang diperbaharui untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua Badan Kehakiman.

Sepanjang berada di Beijing, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasi turut melawat Makmal Mahkamah Pintar di Mahkamah Agung Rakyat, Republik Rakyat China, Mahkamah Komersial Antarabangsa Beijing (BICC), Mahkamah Internet Beijing dan Pusat Pengantaraan Majlis China untuk Promosi Perdagangan Antarabangsa (CCPIT).

Yang Amat Arif kemudian mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Mahkamah Rakyat Shanghai, Tuan Yang Terutama Jia Yu pada 10 September lalu.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Amat Arif menyatakan minatnya terhadap kemajuan dalam bidang teknologi mahkamah dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) serta perbincangan mengenai bagaimana mahkamah di Shanghai menyesuaikan diri dengan penggunaannya dalam litigasi dan penyelesaian pertikaian.

Yang Amat Arif berhasrat akan dapat mempelajari amalan terbaik Shanghai dari segi mengurus

Siaran Akbar dan Foto :
Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

pertikaian komersial dan kewangan sebagai hab ekonomi terbesar China dan mendapat pemahaman yang lebih baik tentang pembaharuan kehakiman yang dilaksanakan dalam menyokong persekitaran perniagaan yang sihat.

Sepanjang di Shanghai, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasinya melawat Mahkamah Tinggi Rakyat Shanghai di mana mereka diberi taklimat mengenai inisiatif pembinaan Mahkamah Digital, menyepadukan teknologi dalam Badan Kehakiman.

Delegasi juga melawat Mahkamah Kewangan Shanghai dan Pusat Pengantaraan Komersial Shanghai (SCMC).

Mahkamah Besar NBD juga menghantar ucapan tahniah menjelang Ulang Tahun Ke-75 Penubuhan Republik Rakyat China dan berharap dapat bekerjasama rapat dengan Mahkamah Agung Rakyat, Republik Rakyat China dalam memajukan MoC dan komited untuk memupuk hubungan kehakiman yang lebih kukuh antara kedua-dua bidang kuasa dengan MoU yang diperbaharui.

Ketua Hakim Mahkamah Besar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kedutaan Republik Rakyat China di NBD atas sokongan berterusan mereka dalam memudahkan perkongsian ilmu dan amalan terbaik antara hubungan kehakiman dan berharap untuk melihat hubungan dengan Mahkamah Agung Rakyat, Republik Rakyat China berkembang seiringan pada tahun-tahun mendatang.

IBTE, BIL meterai MoA



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Brunei Innovation Lab (BIL) (atas dan kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tuoh

menunjukkan komitmen IBTE dan BIL demi masa depan Brunei, di mana pendidikan, teknologi dan inovasi berfungsi sebagai asas untuk pertumbuhan mampan dan daya saing global," jelasnya lagi.

Sementara itu, Dr. Haji Mohd. Zamri pula menjelaskan, melalui perkongsian ini, kita dapat memastikan bahawa pelajar kita memperoleh kemahiran, pemikiran, dan pengalaman yang diperlukan untuk berkembang dalam dunia yang dipacu oleh Industri 4.0.

"Selain memupuk pertumbuhan keusahawanan, kerjasama ini juga akan memberikan pelajar IBTE peluang untuk latihan, bengkel dan bimbingan, membekalkan mereka dengan kemahiran teknologi yang canggih dan relevan dengan industri.

"Tambahan pula, pelajar akan mendapat akses kepada kemudahan, rangkaian, dan sumber yang luas daripada BIL,

yang akan memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka dan mempersiapkan mereka untuk cabaran pada masa hadapan," ujarnya.

MoA ini bertujuan untuk mewujudkan peluang bagi pelajar untuk menimba pengalaman praktikal, berhadapan dengan cabaran industri dunia sebenar dan membangunkan penyelesaian inovatif yang dapat menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

Bagi menghadapi industri yang sentiasa berkembang pesat disebabkan oleh kemajuan teknologi, para pelajar akan dilengkapi dengan kedua-dua kemahiran vokasional dan minda pemikiran inovatif yang diperlukan untuk menyesuaikan diri, mencipta dan memacu pertumbuhan ekonomi. Majlis Penandatanganan MoA diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan lawatan ke kawasan pameran pelajar IBTE serta industri yang terlibat.

ANGGEREK DESA, Khamis, 26 September. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Brunei Innovation Lab (BIL) hari ini memeterai kerjasama baharu yang bertujuan untuk memupuk inovasi, kepakaran teknikal dan pembangunan keusahawanan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kerjasama penting ini sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, dengan matlamat bersama untuk menghasilkan belia dan tenaga kerja negara untuk ekonomi berdasarkan pengetahuan merentasi pelbagai industri.

IBTE sentiasa mengalukan kolaborasi bersama pihak industri kerana penglibatan mereka adalah sangat penting dalam usaha untuk menghasilkan pelajar yang kompeten dan memiliki kemahiran yang relevan serta selaras dengan keperluan industri.

Sehubungan itu, bagi merasmikan kerjasama ini, IBTE dan BIL menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) berlangsung di Bangunan Design dan Teknologi

(D&T), Kampung Anggerek Desa. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan MoA berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Penandatanganan tersebut diwakili oleh Pengerusi BIL, Awang Haji Mohammad Amirul Shahnoel bin Haji Muhammad Noeh bagi pihak BIL manakala IBTE diwakili oleh Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif, IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi BIL, Awang Haji Mohammad Amirul Shahnoel berkata, kerjasama ini dapat mewujudkan peluang bagi para pelajar untuk memperoleh pengalaman praktikal, berhadapan dengan cabaran industri yang sebenar serta membangunkan penyelesaian inovatif.

"Dengan menyatakan kepakaran teknikal IBTE bersama ekosistem inovatif BIL, kami memastikan

bahawa bakat belia Brunei bukan sahaja dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk hari ini tetapi juga untuk permintaan masa depan yang sentiasa berkembang pesat," ujarnya.

Menurutnya, perkongsian ini dibina berdasarkan kejayaan Cabaran Inovasi TVET, yang telah diadakan pada bulan April 2024, di mana BIL memainkan peranan penting dalam menyampaikan bengkel mengenai pembuatan kod rendah, amalan pemikiran reka bentuk dan bimbingan.

Startup673 REACH merupakan Hackathon kebangsaan yang menyasarkan institusi pengajian tinggi ialah satu lagi inisiatif BIL yang direka untuk menggalakkan penyelesaian inovatif dengan manajuri cabaran yang dihadapi oleh industri serta menawarkan platform bagi pelajar untuk menggunakan kemahiran mereka dalam situasi dunia kerja sebenar sambil menggalakkan kerjasama antara akademik dan industri.

"Kerjasama ini jelasnya

PPDB ANJUR CERAMAH MAULIDUR RASUL

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



CERAMAH Maulidur Rasul disampaikan oleh Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Nasyith bin Superi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini, Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengendalikan Majlis Ceramah Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hamzah.

Turut hadir berangkat dan hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia (SAC) Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, keanggotaan dan kakitangan awam PPDB.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Seterusnya, Ceramah Maulidur Rasul disampaikan oleh Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Nasyith bin Superi bertajuk 'Kepimpinan Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Antara inti pati ceramah tersebut telah mengungkap dan mengimbaskan kembali akhlak dan sifat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang penyabar



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

dan pemaaf kepada umatnya mahupun kepada orang-orang yang bukan golongan pengikutnya. Antara iktibar yang dapat diambil juga adalah daripada peristiwa Peperangan Uhud mengenai dengan kepentingan mentaati arahan pemimpin demi kejayaan.



Masjid Omar 'Ali Saifuddien adakan forum



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada forum yang berlangsung di masjid tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas), manakala gambar bawah kanan, forum tersebut telah dipengerusikan oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop. Manakala ahli panel terdiri daripada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Arkitek 'ADN-AK Studio, Ar. Pengiran Adnan bin Pengiran Badarudin.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tujoh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien malam tadi mengadakan forum bertajuk 'Masjid Omar 'Ali Saifuddien Sebagai Lambang Kemegahan Daulah' bersempena dengan Sambutan Ke-66 Tahun masjid berkenaan.

Sambutan tersebut juga adalah bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum yang berlangsung di masjid tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Forum tersebut telah dipengerusikan oleh Imam Tingkat

I, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop. Manakala ahli panel terdiri daripada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Arkitek 'ADN-AK Studio, Ar. Pengiran Adnan bin Pengiran Badarudin.

Adapun tujuan forum diadakan adalah sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, untuk mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti keagamaan sebagai syiar yang

menitikberatkan nilai-nilai Islam yang unggul sekali gus melibatkan semua generasi dalam sama-sama memeriahkan sambutan dan mengembangkan syiar Islam.



Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DALAM MENANGANI CABARAN ALAM SEKITAR

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



GADONG, Khamis, 26 September. - Secara global, 17 peratus sahaja menepati Matlamat Pembangunan Mampu (SDG). Dengan hanya tinggal enam tahun lagi ke tahun 2030, keperluan mendesak perlu diambil tindakan tegas.

Dengan membawakan tema forum iaitu 'Mission Possible: Game-Changing Ideas for a Sustainable Future', ia merupakan masa yang tepat untuk membuat perubahan. Memandangkan Negara Brunei Darussalam (NBD) seiring dengan seluruh dunia menghadapi cabaran mendesak seperti perubahan iklim, kekurangan sumber dan jurang pembangunan yang semakin luas serta penyelesaian inovatif adalah merupakan suatu perkara penting.

Demikian dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam teks yang dibacakan oleh Setiausaha Tetap (Wawasan) di JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad pada Forum Sustainable Future Brunei Darussalam yang berlangsung di Rizqun International Hotel, hari ini.

"Kita mesti memanfaatkan peluang untuk mengubah tingkah laku kita, mengubah cara berfikir dan melabur dalam amalan lestari yang akan membimbing kita kembali ke landasan untuk mencapai SDGs. "Saya gembira untuk berkongsi bahawa NBD sudah menyaksikan kuasa inovasi melalui inisiatif yang memperdayakan golongan muda kita untuk membangunkan dan mengkomersialkan penyelesaian menangani cabaran paling mendesak.

"Program-program ini, melalui geran dan sokongan pihak kepentingan, membolehkan pemimpin muda mencipta idea yang bukan sahaja akan memberi inspirasi tetapi juga memacu pembangunan lestari," jelas Yang Berhormat.

Selain itu, terang Yang Berhormat lagi, kita sedang menyaksikan perkembangan menarik dalam kitaran ekonomi. Perniagaan di negara ini mula mengambil peluang yang dulunya dianggap tidak dapat dicapai. Contohnya, syarikat-syarikat mengubah sisa

menjadi sumber berharga seperti mengompos sisik organik menjadi baja atau menyimpan air hujan untuk penggunaan.

Selain itu, juga telah menyaksikan peningkatan kedai rendah sisik yang beroperasi dengan model perniagaan pengisian semula, mengurangkan keperluan untuk plastik sekali guna. Inisiatif-inisiatif ini, walaupun masih dalam peringkat awal, merupakan tindakan berani dan berfikir ke hadapan di perlukan lebih banyak di negara ini.

Ini tambah Yang Berhormat, membawa beliau kepada satu titik penting iaitu peranan yang tidak dapat dielakkan bagi perniagaan dalam mendorong kelestarian. Sebagai enjin ekonomi kita, perniagaan mempunyai impak yang mendalam terhadap kemajuan kita menuju masa depan yang lestari.

Sama ada melalui penerapan amalan bertanggungjawab yang mengurangkan sisik dan emisi atau memanfaatkan kemajuan teknologi untuk menangani cabaran alam sekitar, sektor swasta adalah kunci kepada masa depan lestari kita.

Namun, tegas Yang Berhormat, kita tidak dapat melakukannya sendirian. Mencapai masa depan lestari memerlukan pendekatan seluruh negara. Ini bermakna setiap sektor masyarakat termasuk kerajaan, perniagaan, masyarakat sivil dan individu mesti bekerjasama ke arah mencapai matlamat negara bersama. Kolaborasi bukan sekadar istilah; ia adalah asas di mana masa



Pengerusi Bank Baiduri, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersabda, manakala gambar kiri, Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyampaikan teks ucapan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

depan lestari kita akan dibina.

Dalam masa yang sama, masyarakat sivil dan individu mempunyai peranan penting. Kelestarian adalah tanggungjawab semua dan setiap tindakan adalah penting. Sama ada melalui pengurangan jejak karbon kita, menyokong perniagaan lestari atau memperjuangkan perlindungan alam sekitar yang lebih kuat, setiap daripada kita mempunyai peranan dalam mewujudkan masa depan yang lestari.

Oleh yang demikian, Yang

Berhormat menyeru agar setiap peserta untuk mengambil peluang yang dikongsikan melalui forum ini. Jadikan hari ini menjadi hari inspirasi, hari di mana idea-idea baru dilahirkan dan di mana setiap daripada peserta membawa pulang dengan komitmen baharu untuk bertindak.

Kelestarian adalah tanggungjawab semua dan dengan bekerjasama, kita dapat mengubah misi kita menjadi realiti, memastikan masa depan lestari untuk NBD dan generasi yang akan datang.

Forum ketengahkan pentingnya kelestarian

GADONG, Khamis, 26 September. - Pengerusi Bank Baiduri, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersabda, kepelbagaian yang berterusan bermula dari suatu perkara yang kecil kepada prinsip teras adalah bukti betapa pentingnya kelestarian.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah semasa mengurniakan sabda pada pembukaan Sustainable Future Forum Brunei Darussalam yang berlangsung di Rizqun International Hotel, hari ini, seterusnya menambah bahawa tindakan kita hari ini akan memberi impak yang besar kepada generasi akan datang, menekankan pentingnya perspektif jangka panjang.

"Ketika kita menghadapi cabaran ini, adalah penting untuk mengakui kepentingan deskarbonisasi. Mencapai net zero menjelang tahun 2050 adalah matlamat yang penting, tetapi kita perlu menetapkan sasaran yang lebih realistik dan meningkatkan ketelusan dari organisasi mengenai strategi mereka untuk mencapai komitmen ini."

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan secara global, Sektor Tenaga sedang mengalami transformasi yang signifikan. Pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui semakin meningkat dan terdapat trend jelas ke arah penghapusan sistem berdasarkan

bahan bakar fosil.

"Teknologi inovatif seperti hidrogen hijau, sedang muncul, menandakan perubahan besar dalam cara kita mendekati pengeluaran dan penggunaan tenaga. Landskap ini berkembang dengan pesat, menawarkan cabaran dan peluang untuk masa depan yang lestari," sabda Yang Amat Mulia.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi forum pertama berkenaan dengan dialog polisi iaitu 'Navigating Energy Transition'. Ahli panel forum adalah terdiri ialah Postdoctoral Fellow dan Pengurus Kanan, Centre for Water Policy (CWP), Institute for Environment and Sustainability (IES), Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, Dr. Maitreyee Mukherjee dan Ketua Bahagian Peralihan Tenaga di Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Shirley Sikun.

Sementara bagi sesi kedua, membincangkan mengenai perspektif global iaitu 'Game Changing Ideas for Sustainable Future' yang dibentangkan oleh Pengarah Urusan Program Serantau, Andrew Dy.


Manakala bagi sesi ketiga forum pula membincangkan mengenai perspektif perniagaan dengan tajuk perbincangan 'Moving the Needle : Strategies that make a Big Difference'. Ahli panel forum terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Brunei Fertilizer Industries, Dr. Harri Kiiski; Timbalan CEO Baiduri Bank, Manuel Bulens dan Pengarah Teknikal Atoll Group,



FORUM selama sehari dikendalikan oleh Asia Inc Forum dengan tema 'Mission Possible : Game-Changing Ideas for a Sustainable Future' (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir mendengarkan forum berkenaan.



MEMUPUK KEMAHIRAN PELAJAR DALAM ERA PENDIGITALAN MAKLUMAT



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan bersama rombongan yang menyertai Program Huawei Seeds for the Future yang berlangsung di Ibu Pejabat Huawei, Shenzhen, Republik Rakyat China bermula dari 22 - 30 September 2024 hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

BERAKAS, Rabu, 25 September.

- Seramai tiga pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu dua daripada Fakulti Shariah Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan seorang mahasiswa Fakulti Teknologi Islam berlepas meninggalkan negara baru-baru ini bagi menyertai Program Huawei Seeds for the Future yang berlangsung di Ibu Pejabat Huawei, Shenzhen, Republik Rakyat China bermula dari 22 - 30 September 2024 yang ditaja oleh Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd.

Program Huawei Seeds for the Future ini adalah acara tahunan

yang mana tahun lalu acara seumpama ini telah berlangsung di Kampus UNISSA sebagai tuan rumah bagi program ini.

Dua pelajar terbaik dan seorang Alumni Huawei Seeds for the future telah terpilih untuk menyertai program selama seminggu.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad yang turut sama berangkat ke Shenzhen, China.

Mengiringi beliau ialah Penolong Profesor Universiti

Teknologi Brunei, Dr. Saiful bin Haji Omar dan beberapa wakil dari Kementerian Pendidikan dan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd.

Turut hadir ialah Chargé d'Affaires Kedutaan Republik Rakyat China, Wang Haitao; Dekan Fakulti Syariah Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Ahmad Masum; Ketua Program Siswazah, Dr. Yusuf Ibrahim Arowosaiye; Ketua Program Prasiswazah, Rajali bin Haji Ali dan wakil daripada Fakulti Teknologi Islam, Penolong Pensyarah / Koordinator At-Tamayyuz, Nurulfa'izzah Asdiana

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

binti Haji Mohd Hashim.

Antara tujuan program adalah untuk memupuk bakat dan pertukaran pengetahuan ICT sebagai asas untuk mengembangluaskan lagi kemahiran pelajar dalam era pendigitalan maklumat dan diharapkan dapat menimba ilmu dan memberi inspirasi dan perspektif global.

Para pelajar akan didedahkan dengan persekitaran pekerjaan secara langsung di ibu pejabat Huawei serta ilmu teknologi 5G terkini dalam dunia industri daripada

Huawei dengan harapan dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan persediaan awal pelajar untuk alam pekerjaan seterusnya menyesuaikan diri dengan cabaran dan hala tuju ke arah masa depan yang lebih mampan dan bersepada secara digital yang akan menyumbang kepada landskap yang lebih hijau dan maju dari segi teknologi.

Di samping itu juga, para pelajar dapat bertukar-tukar pandangan dengan pelajar-pelajar dari negara lain dan mengenali adat resam serta budaya masyarakat di China.

EduTALK Khas ketengahkan isu mengenai pendidikan

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menghadiri majlis pembukaan ini.

EduTALK Khas akan diadakan selama empat hari bermula 26 September hingga 1 Oktober 2024, yang akan disertai oleh seramai 6,341 orang guru dari seluruh negara, di mana ia akan menjadi platform penting untuk membincangkan isu-isu utama dalam pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat. Majlis diteruskan dengan ucaptama oleh Profesor Madya Ng Pak Tee dari Institut Pendidikan, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura bertajuk 'Interaksi Kesejahteraan, Motivasi dan Pedagogi untuk Kejayaan Pelajar : EduTALK Khas', yang menekankan isu-isu mengenai kesejahteraan guru, kesihatan mental dan strategi untuk memberi motivasi kepada guru untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar.

Seterusnya, majlis diikuti dengan Sesi Learning Circle bersama penyampai ucaptama iaitu sesi dialog secara terbuka, di mana para peserta mengongsikan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan EduTALK Khas bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-34 Tahun 2024 (atas), manakala gambar kiri, ucaptama oleh Profesor Madya Ng Pak Tee dari Institut Pendidikan, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

pengalaman, bertukar idea antara satu sama lain dan bersama-sama menghasilkan penyelesaian yang inovatif.

Aktiviti ini menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dan perkembangan profesional dalam kalangan pendidik. Antara tujuan utama EduTALK Khas ini adalah untuk melibatkan pendidik, membuat dasar dan

pihak berkepentingan dalam sesi dialog mengenai kepentingan kesejahteraan dan motivasi dalam amalan pedagogi.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan dialog antara pendidik bersama pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam bagi mendorong pendekatan bersatu dalam pendidikan.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan ketua-ketua kluster Kementerian Pendidikan. EduTalk Khas ini dianjurkan oleh Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan.

LUGU, Khamis, 26 September. - Kementerian Pendidikan hari ini telah mengadakan Majlis Pembukaan EduTALK Khas bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-34 Tahun 2024 di Dewan Indah Biru, Kampung Lugu.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan pembukaan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Seramai 875 guru sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan

FORUM EKONOMI DIGITAL 2024 : MEMPERKASA TRANSFORMASI DIGITAL BRUNEI



FORUM turut menampilkan penyampaian ucaptama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas), manakala gambar atas kanan, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada forum berkenaan. Manakala gambar bawah, Forum Ekonomi Digital 2024 yang berlangsung di J Hotel, Kiulap.

KIULAP, Rabu, 25 September. - Lebih 160 delegasi dari pelbagai sektor, termasuk pegawai kerajaan, pemimpin perniagaan, pakar teknologi, dan pencipta kandungan menghadiri Forum Ekonomi Digital 2024 yang berlangsung di J Hotel, Kiulap, di sini.

Forum anjuran Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei (ABAC) dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini memberi tumpuan kepada tema, 'Masa Depan Perdagangan Digital di Brunei' yang memfokuskan khusus pada Pusat Pembayaran Digital Kebangsaan dan perannya dalam mempercepat transformasi digital Brunei.

Dalam ucapan alu-aluan Pengurusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei dan Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Dayang Haslina binti Taib berkata, dengan evolusi pesat dalam landskap digital, Brunei berada di ambang era pertumbuhan yang baharu.

Fokus forum ini iaitu Pusat Pembayaran Digital Kebangsaan adalah merupakan satu pencapaian penting dalam memodenkan cara kita menjalankan perniagaan, baik di peringkat tempatan maupun global.

Menurutnya, banyak negara ASEAN sedang memanfaatkan teknologi untuk sistem pembayaran digital mereka bagi membolehkan transaksi rentas sempadan yang

lancar dan memperkasakan perniagaan mereka.

Brunei berada di landasan yang sama jelasnya, dan dengan mempelajari dari negara-negara jiran ASEAN, kita perlu untuk memanfaatkan peluang tersebut dan memastikan ekonomi kita kekal kompetitif di pasaran global.

Sementara itu, Pengurusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei dan Ketua Pegawai Eksekutif, Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim menyatakan, perusahaan kecil adalah tulang belakang ekonomi negara, justeru ABAC ingin memastikan mereka mempunyai akses kepada semua alat digital yang mereka perlukan.

Dengan mempromosikan perdagangan tanpa kertas yang boleh beroperasi bersama (*interoperable*) dan Kecerdasan Buatan(AI)yang bertanggungjawab ujarnya, mereka memberikan semua syarikat, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), termasuk perniagaan yang dikendalikan oleh wanita, usahawan asli, dan ekonomi tidak formal iaitu satu dorongan yang nyata yang mana mereka melihat perniagaan Brunei akan mendapat manfaat yang tidak ternilai.

Forum turut menampilkan penyampaian ucaptama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, yang membentangkan mengenai 'Membina Masa Depan Digital Brunei'.

Ucaptama tersebut merangkumi pembentangan mengenai Pelan



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Induk Ekonomi Digital Brunei 2025 dan kawasan keutamaan seperti Keselamatan Siber dan AI selain menekankan pentingnya kerjasama dan inovasi digital dalam membentuk ekonomi masa depan Brunei.

Sementara itu, Ketua Legasi Kod QR ASEAN dari ASEAN Business Advisory Council Indonesia, Hans Lukiman memperkenalkan Kod QR ASEAN secara maya yang bertujuan untuk menyambungkan pintu pembayaran negara-negara anggota ASEAN.

Ketika ini, Malaysia, Indonesia, dan Thailand sudah terhubung, manakala Singapura pula terhubung dengan Thailand.

Kod QR ASEAN akan menyediakan pembayaran yang selamat, terjamin, dan pantas di seluruh negara anggota ASEAN setelah dilaksanakan sepenuhnya.

Forum juga menampilkan pembentangan oleh Pengurus Projek dari National Digital Payments Network Sdn. Bhd. (ndpx), Rahim Harun yang memberikan gambaran terperinci mengenai Pusat Pembayaran Digital Kebangsaan, menekankan bagaimana ia akan membolehkan transaksi digital yang lancar di dalam dan luar negara.

Sesi perbincangan bersama para panel diadakan selepas itu, yang menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif ndpx, Hafiz Haslen; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Pengguna di Baiduri Bank, Manuel Bulens; dan Ketua Perbankan Wealth and Retail di

Standard Chartered Bank Brunei, Brenda Low.

Sesi perbincangan dikendalikan oleh anggota Majlis Ekonomi Digital Brunei, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, membincangkan impak yang lebih luas dari pusat pembayaran tersebut terhadap perniagaan dan sektor kewangan Brunei.

Forum juga menyaksikan panel yang dinamik mengenai membina ekosistem pencipta kandungan yang berkembang di Brunei, yang dikendalikan oleh Pengurus Besar Kristal Media Sdn. Bhd., Jenny Malai Ali.

Para panel terdiri daripada Pempengaruh Tempatan seperti Rano Iskandar atau @ranoadidas; seorang tokoh terkenal dalam landskap media Brunei; Xavier Ginel yang juga dikenali sebagai @thefrenchguy9; Edutainer dan Pengasas @nijatutul, Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd Saleh; serta Pengasas Optimas MGMT, Rabbani Mubarak.

Mereka antara lain berkongsi strategi untuk memperluas jangkauan digital secara global dan membincangkan bagaimana pencipta kandungan Brunei boleh menyumbang kepada ekonomi digital yang semakin berkembang.

Perbincangan sepanjang forum yang telah diadakan secara keseluruhannya menekankan mengenai kepentingan landskap digital Brunei yang sedang berkembang selaras dengan Ekonomi Digital Brunei.



Periksa setiap ubat diterima sebelum meninggalkan kaunter

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Berhubung dengan mesej tular yang telah dikongsikan kepada orang ramai di media sosial mengenai aduan kekasaran kakitangan di kaunter pengambilan ubat di Jabatan Kecemasan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta kecuaian dalam membekalkan ubat yang telah lalup tarikh, Kementerian Kesihatan ingin memberikan maklumat balas.

Kementerian Kesihatan memandang serius dengan aduan tersebut dan telah menjalankan penyiasatan terperinci. Dalam

hal ini, orang ramai dinasihatkan agar memeriksa setiap ubat yang diterima sebelum meninggalkan kaunter dan jangan teragak-agak untuk bertanya kepada kakitangan bertugas mengenai cara pengambilan ubat yang betul.

Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan, maklumat yang tidak jelas, atau kesilapan yang tidak disengajakan, orang ramai disarankan untuk segera berkunjung ke mana-mana kaunter farmasi di bawah Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan keterangan dan maklumat lanjut bagi

memastikan ubat yang dibekalkan diambil dengan betul.

Kementerian Kesihatan juga telah menyiasat aduan berkenaan kekasaran yang dilaporkan dan sedang berusaha untuk menghubungi pengadu bagi memastikan kesahihan dan mengambil langkah-langkah pemberian yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, pengadu dinasihatkan untuk memberikan maklumat lengkap melalui e-mel ke corp.comms@moh.gov.bn, Talian Darussalam 123, atau melalui aplikasi MOHCares bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

30 GRADUAN PROGRAM BIASISWA BERSAMA DIRAIKAN



NAIB Canselor UBD menyampaikan sijil tamat pengajian kepada 30 graduan daripada Program Biasiswa Bersama Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang menamatkan pengajian dengan Universiti Zhejiang (ZJU) (atas dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Seramai 30 graduan daripada Program Biasiswa Bersama Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) diraikan selepas menamatkan pengajian dengan Universiti Zhejiang (ZJU).

Majlis yang diadakan di Dewan Canselor UBD itu disempurnakan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle.

Terdahulu, majlis dimulakan

dengan ucapan alu-alun daripada Dekan Fakulti Teknologi Bersepadu UBD, Dr. Dayang Juliana Haji Zaini yang antara lain menyampaikan penghargaan di atas daya tahan, komitmen dan pencapaian cemerlang para graduan.

Beliau juga mengagumi akan keupayaan mereka untuk mengatasi cabaran sepanjang perjalanan akademik mereka, yang berlangsung di dua universiti terkenal.

Manakala Jerick Yap Raymundo



turut menyampaikan ucapan bagi pihak pelajar mengenai pengalaman yang diperolehi, pertumbuhan peribadi dan aspirasi kohort yang secara tidak langsung menguatkan ikatan yang terbentuk semasa mereka dalam program itu.

Kemuncak majlis ialah penyampaian sijil tamat pengajian kepada 30 graduan, yang masing-masing berjaya menamatkan pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Proses di ZJU.

Kerja keras, dedikasi dan

pencapaian akademik mereka diiktiraf apabila mereka menerima sijil, menandakan kesediaan mereka untuk memasuki dunia profesional.

Para graduan kali ini mewakili kumpulan ke-10 di bawah program berkenaan. Program empat tahun yang ini termasuk dua tahun pengajian akademik di UBD, diikuti dengan satu tahun di ZJU dan diakhiri dengan enam bulan latihan industri dan latihan selama enam bulan dengan Hengyi Industries.

Setelah menamatkan pengajian

akademik dan latihan praktikal selama tiga tahun, para graduan hampir menamatkan perjalanan pendidikan mereka. Dengan hanya dua semester lagi, mereka kini dipersiapkan untuk memulakan kerjaya yang menjanjikan dalam industri petrokimia dengan Hengyi Industries, dilengkapi dengan pengetahuan dan pengalaman untuk berkembang maju dalam peranan masa depan mereka.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar rama dan seterusnya menikmati jamuan.

Dynamik Technologies bantu memperkayakan koleksi botani di UBD BRC

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KETUA Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib dan Naib Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Program Dynamik Trees (atas dan kiri).

TUNGKU LINK, Khamis, 26 September. - Dynamik Technologies pagi tadi melancarkan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka yang terbaharu, Program Dynamik Trees dengan kerjasama Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER) yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD) Pusat Penyelidikan Botani (BRC), di sini.

Melalui program berkenaan, Dynamik Technologies menyokong Konservasi Ex-Situ, lima spesies pokok tempatan di UBD BRC, menerusi Projek Adopt A Tree.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan program berkenaan ialah Ketua

Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib dan Naib Canselor UBD, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle.

Pengarah IBER, Dr. Hussein bin Haji Taha dalam ucapan alu-aluannya, menyatakan bahawa UBD BRC, yang merupakan taman botani pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD), adalah komited untuk menjalin kerjasama industri bagi menyokong usaha penyelidikan dan pemuliharaan yang berterusan di pusat berkenaan.

Beliau meneckankan bahawa kerjasama dengan Dynamik Technologies adalah pencapaian penting dalam kejayaan penyelidikan UBD BRC dan pokok-pokok yang dipilih untuk

diterima pakai dan ditanam sebagai sebahagian daripada Program Dynamik Trees akan dikaji selanjutnya oleh pasukan penyelidikan di UBD BRC.

Manakala, Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies dalam ucapannya menjelaskan Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen mendalam Dynamik Technologies terhadap kelestarian, dan ia adalah seiring dengan nilai teras Dynamik Technologies mengenai konservasi di mana Dynamik Technologies sedang membina warisan untuk generasi akan datang.

"Niat kami adalah untuk memenuhi tanggungjawab kami dalam memastikan kelestarian

sebagai sebahagian daripada amalan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (Environmental, Social, and Governance - ESG) kami dan apa yang kami lakukan memberi impak yang bermakna kepada ekosistem," tambahnya.

Sumbangan Dynamik Technologies akan membantu memperkayakan koleksi botani di UBD BRC, memajukan misinya dalam penyelidikan, pendidikan, dan pemuliharaan flora yang pelbagai jenis di NBD.

Pelancaran tersebut juga menyaksikan upacara penanaman pokok oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies dan Naib Canselor UBD.

Para tetamu juga berpeluang

untuk menyaksikan panduan audio digital taman UBD BRC yang dicipta oleh Ebode dari Dynamik Technologies melalui aplikasi IZI. travel.

Tajaan daripada Dynamik Technologies untuk UBD BRC memainkan peranan penting dalam menyokong penyelidikan biodiversiti UBD dan usaha kelestarian melalui tindakan pemuliharaan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melindungi alam semula jadi NBD.

Program Dynamik Trees juga menyokong penanaman sebanyak 23 anak pokok spesies pokok tempatan yang bernilai tinggi pada 18 September yang lalu di UBD BRC.

PEMENANG PERINGKAT AKHIR TAUSYEH DIRAIKAN



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa, Belia, Muslimah dan Beliawanis Masjid (atas dan kiri).

KIARONG, Khamis, 26 September. - Sebanyak 38 kumpulan tausyeh terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Perempuan bagi Muslimah Masjid, Kumpulan Belia Masjid dan Beliawanis Masjid telah bertanding pada Peringkat Akhir Tausyeh yang diadakan selama dua hari bermula Rabu, 25 September hingga Khamis, 26 September 2024.

Pertandingan yang diungkayahkan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame'

'Asr Hassanal Bolkiah petang tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa, Belia, Muslimah dan Beliawanis Masjid di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Haji Hardifadillah bin Haji Mohd. Salleh.

Tujuan utama pertandingan ini diadakan sebagai wadah menghidupkan syiar Islam melalui Zikir Tausyeh dan menjadikan

masjid sebagai tempat perkumpulan masyarakat Islam tanpa mengira peringkat umur.

Di samping itu, untuk mencungkil bakat terpendam dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah masjid serta kumpulan belia dan beliawanis masjid. Selain itu, ia juga untuk menyahut tinggi dan merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Kumpulan Tausyeh Masjid

Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar telah diumumkan sebagai pemenang Pertandingan Tausyeh bagi Kategori Pasukan Dewasa Lelaki (Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid), manakala Kumpulan Tausyeh Masjid Kampung Batu Apoi memenangi Kategori Pasukan Dewasa Perempuan (Muslimah).

Bagi Kategori Belia Masjid pula dimenangi oleh Kumpulan Tausyeh Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri. Sementara itu, Kategori Beliawanis Masjid dimenangi oleh Kumpulan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Acara tersebut juga diserikan dengan Persembahan Tausyeh oleh kumpulan-kumpulan pemenang Pertandingan Tausyeh. Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada para pemenang.

Dengan adanya Pertandingan Tausyeh seumpama ini diharap akan melahirkan semangat gemar mengikuti pelbagai pertandingan berbentuk keislaman dan mengekalkan serta menghidupkan lagu-lagu tausyeh dalam kalangan masyarakat Islam agar tidak hilang ditelan zaman.

Pertandingan bentuk pelajar lebih mandiri, proaktif, berdaya saing

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUNGKU LINK, Khamis, 26 September. - Ceradik dari Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara, Bukit Beruang Tutong dengan nama produk Lakastah Membaca muncul johan bagi Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-6.

Tempat kedua diraih oleh Kumpulan Hydro dari Sekolah Rendah Rimba III, dengan nama produk Manual Drip Water Irrigation Systems (DWIS) for Seedlings. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Qahfs dari Sekolah Arab Belait dengan nama produk Kamus Ar-Raqmi.

Sementara bagi Pertandingan BigStart Kali Ke-11 pula, juara disandang oleh Kumpulan B.I.J.A.Q dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan dengan nama produk Techno Bin. Manakala kumpulan The Arabic Wizards dengan nama produk SPUD dari Sekolah Ma'had Islam Brunei telah berjaya meraih tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh Kumpulan SwapSmart dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan dengan nama produk mereka SwapSmart.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Universiti Teknologi Brunei ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Irfan bin Haji Aliakbar diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC), Kementerian Pendidikan, Awang Adna Shatriremie bin Haji A. Abdul Rahman.

Majlis diserikan lagi dengan Pertandingan Pitching daripada para peserta Pertandingan Celik-Biz dan Pertandingan BigStart. Majlis diteruskan dengan tayangan video pendek yang memaparkan aktiviti-aktiviti sepanjang pertandingan dijalankan, diikuti dengan penyampaian hadiah dan sijil-sijil kepada pemenang-pemenang pertandingan oleh tetamu kehormat.

Pertandingan Celik-Biz ialah pertandingan pendidikan keusahawanan dan inovasi bagi pelajar-pelajar Sekolah Rendah Tahun 4 dan 5.

Manakala Pertandingan BigStart adalah bagi pelajar-pelajar sekolah menengah dan maktab Tahun 9 dan 10 untuk menghasilkan prototaip yang kreatif dan inovatif, portfolio serta video pembentangan (pitching) mengikut empat sub-tema yang dipilih. Sebagai tambahan, peserta Pertandingan BigStart juga dikehendaki untuk menghasilkan Business Model Canvas.

Tema pertandingan bagi tahun ini ialah 'Innovation in Entrepreneurship' dengan empat sub-tema iaitu Innovation, Edutainment, Digitalisation dan Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0).

Antara tujuan pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kreativiti, pemikiran pragmatik dan realistik serta pendekatan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-6 (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang menyertai pertandingan.



melalui Strategik Objektif 1 iaitu Nurture Future-Ready Learners dan Strategik Objektif 2 iaitu Enhance Innovative Education Ecosystem.

Turut menghadiri majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta pemimpin

pimpinan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan agensi-agensi luar. Pertandingan berkenaan dikendalikan oleh EIC, Kementerian Pendidikan.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 72 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya kami pernah mengemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya dan manusia pula sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah sangat zalim lagi jahil".

Amanah adalah salah satu sifat terpuji yang ditutut dalam Islam. Setiap orang mempunyai amanah dan tanggungjawab yang perlu ditanai dalam semua aspek kehidupan. Setiap insan mestilah menyedari bahawa dia sentiasa memikul amanah, baik amanah pada diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara maupun agama. Adapun antara contoh yang boleh dikaitkan dengan amanah itu adalah mengamalkan sikap amanah dalam pekerjaan, tidak kira sama seorang itu bekerja sendiri, bekerja di sektor awam maupun sektor

Tertunaikah sudah amanah?

swasta.

Sesungguhnya seorang pekerja yang amanah melihat pekerjaan itu sebagai tanggungjawab yang bakal dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang satu-satu jawatan dalam pekerjaan dalam kerajaan hendaklah sentiasa berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 27 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui".

Perihal menjaga amanah di dalam pekerjaan, terdapat beberapa perkara yang perlu kita jaga dan dititikberatkan, antaranya ialah menjaga dan menepati waktu bekerja, jujur dalam mencari sumber kewangan tanpa melibatkan rasuah mahupun penipuan, tidak menzalimi dan menindas orang lain untuk memenuhi kepentingan diri sendiri, sentiasa tekun dan ikhlas ketika bekerja dan tidak mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan dan seumpamanya.

Kita hendaklah sentiasa amanah dan melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan diri, potensi dan kepakaran yang dimiliki dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan. Oleh itu, seorang pekerja mestilah berusaha bersungguh-sungguh demi menjalankan amanah dan melaksanakan sesuatu tugas dengan memikirkan bahawa hasil daripada pendapatan itulah yang akan menjadi sumber utama rezeki untuk diri sendiri dan juga keluarga. Daripada Jabar bin Abdullah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Tafsirnya : "Wahai manusia, bertakwalah kamu kepada Allah dan tempuhlah jalan yang baik dalam mencari rezeki kerana sesungguhnya tidaklah seorang hamba itu akan mati sehingga dia benar-benar telah habis rezekinya, walaupun terlambat

datangnya. Maka bertakwalah kepada Allah dan tempuhlah jalan yang baik dalam mencari rezeki. Tempuhlah jalan-jalan mencari rezeki yang halal dan tinggalkan yang haram". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Sebagai orang Islam, kita percaya bahawa segala perbuatan yang dilakukan di dunia ini akan mendapat pembalasan sama ada ganjaran pahala ataupun azab seksa di akhirat nanti. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada memberi peringatan mengenai akibat mencuaikan amanah melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, ia berkata : "Kami keluar bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menuju Khaibar. Allah memberikan kemenangan kepada kami tetapi kami tidak mendapatkan rampasan perang berupa emas atau perak. Hanya yang kami peroleh adalah barang-barang makanan dan pakaian. Kemudian kami menuju ke suatu lembah dan bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah seorang hamba pemberian seorang lelaki dari Juzam bernama Rifaah bin Zaid daripada Bani Al-Dubaib. Ketika kami menuruni lembah itu, hamba Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu berdiri untuk melepaskan tali ikatan kenderaananya. Malangnya, dia terkena anak panah dan di situlah dia meninggal dunia lalu kami berkata : Kami bersyukur dia gugur dalam Mati Syahid. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak! Demi diri Muhammad, sesungguhnya sehelai pakaian jubah akan memarakkan api neraka ke atasnya. Pakaian itu dia ambil daripada harta rampasan Perang Khaibar, padahal pakaian itu bukan bahagiannya. Lalu orang ramai menjadi takut. Maka datang seorang lelaki dengan membawa seutas atau dua utas tali kasut dan berkata : Ya Rasulullah! Aku mendapatkannya ketika Perang Khaibar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Seutas atau dua utas tali tersebut boleh membawa kepada neraka".

Berdasarkan daripada hadis tersebut amat jelas bahawa perbuatan mencuaikan amanah atau melakukan khianat itu amat besar ancamannya sehingga hanya kerana sehelai pakaian atau seutas tali kasut yang didapatkan dengan cara yang tidak amanah pun akan menerima balasan api neraka di akhirat. Oleh itu, memiliki

sifat amanah adalah menjadi tonggak penting dalam semua aspek termasuk urusan pekerjaan. Segala tanggungjawab dan tugas yang kita laksanakan hendaklah benar-benar menepati konsep dengan meletakkan pekerjaan yang digalas sebagai ibadah. Dalam makna, kita bukan hanya dikawal oleh undang-undang dan peraturan dunia sahaja tetapi dalam masa yang sama ia dikawal oleh hati dengan rasa amanah dan tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, pada setiap tahun negara kita Brunei Darussalam meraikan Hari Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama dalam menggerak-aktifkan sumber tenaga manusia dan penyumbang kepada program pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 pada tahun ini ialah 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara'.

Maka selaku penjawat awam marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab dengan cekap dan bijaksana, berakauntabiliti, responsif, berintegriti, jujur dan amanah, adil dan sebagainya. Kita terus mendepani cabaran masa hadapan dengan memperhebat dan memantapkan bagi memperkasa imej Perkhidmatan Awam.

Akhirnya, kita sama-sama berdoa semoga kita semua, sama ada yang bekerja dengan Perkhidmatan Awam ataupun yang bekerja dengan pihak swasta agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan itu mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhannya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat". (Surah An-Nisa, ayat 58)

Penutupan sementara stesen minyak

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah

Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan alat sukatan jenis ke atas

pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun. Bersama ini dikongsikan keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan November 2023.

Di Daerah Brunei dan Muara, penutupan sementara stesen-stesen minyak tersebut ialah pada Khamis, 3 Oktober 2024 di Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Berhad, Kampung Menglait; Sabtu, 5 Oktober 2024 di Stesen Minyak Bebatik, Kampung

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	3 Oktober 2024 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Perniagaan Dan Perusahaan Melayu Berhad, Kampung Menglait	Brunei Muara
2	5 Oktober 2024 (Sabtu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Bebatik, Kampung Bebatik	
3	7 Oktober 2024 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Masjory, Kampung Sengkurong	
4	8 Oktober 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Ikatan Teluk Mewah Mentiri, Kampung Mentiri	
5	9 Oktober 2024 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Mabohai, Kampung Mabohai	
6	10 Oktober 2024 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Kampong Buang Sakar, Kampung Buang Sakar	
7	22 Oktober 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Persatuan Kampong Lubok Pulau (KOPEKLAP) Dengan Traggungan Berhad, Kampung Lubok Pulau	Tutong
8	23 Oktober 2024 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Telisai Sdn Bhd, Kampung Telisai	
9	24 Oktober 2024 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi SEPAKAT, Kuala Belait	Belait

Bebatik; Isnin, 7 Oktober 2024 di Stesen Minyak Masjory, Kampung Sengkurong; Selasa, 8 Oktober 2024 di Stesen Minyak Koperasi Ikatan Teluk Mewah Mentiri, Kampung Mentiri; Rabu, 9 Oktober 2024 di Stesen Minyak Mabohai, Kampung Mabohai dan Khamis, 10 Oktober 2024 di Stesen Minyak Kampong Buang Sakar, Kampung Buang Sakar.

Manakala di Daerah Tutong, stesen yang terpilih ialah di Stesen Minyak Koperasi Persatuan Kampong Lubok Pulau (KOPEKLAP) dengan Traggungan Berhad, Kampung Tanggungan Berhad, Kampung Lubok Pulau (KOPEKLAP) dengan Traggungan Berhad, Kampung

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

Tertunaikah Sudah Amanah?

Setiap orang mempunyai amanah dan tanggungjawab yang perlu ditanai dalam semua aspek kehidupan, baik amanah pada:

- Diri sendiri
- Keluarga
- Masyarakat
- Negara
- Agama

AMANAH DALAM PEKERJAAN



Sesungguhnya seorang pekerja yang amanah melihat pekerjaannya itu sebagai tanggungjawab yang bakal dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT

Beberapa perkara yang perlu kita jaga dan titikberatkan:



Menjaga dan menepati waktu bekerja



Jujur dalam mencari sumber kewangan tanpa melibatkan rasuah maupun penipuan



Tidak menzalimi dan menindas orang lain untuk memenuhi kepentingan diri sendiri



Sentiasa tekun dan ikhlas



Tidak mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan

Khutbah Jumaat
Negara Brunei
Darussalam pada
23 Rabiuulawal 1446H/
27 September 2024


سوروهنجای فرخمنت عوام
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**
 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
 KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
 DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (pendidikan / pengalaman terbaik / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap ("Salin tanda tangan dan pengisian MyInfo Kelulusan Pengiktirafan Kelayakan (SKPK) yang berkenaan")
- 4 Tandaskan "I" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Keraian"
- 5 Lengkapkan Maklumat (tarikh / perperiwa / Paparan Perkhidmatan Awam / Iaikan-Sekarang / Sebut harga profesional dan komitmen yang diperlukan di dalam iklan akan ditolak)

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

3. Talian WhatsApp: query.spa.gov.bnTalian WhatsApp: query.spa.gov.bn

PSCBN

	Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	ARKITEK B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2024/SEP/05/KPG	AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABC), KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	02 OKTOBER 2024
2.	ARKITEK B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2024/SEP/03/KPG	JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	02 OKTOBER 2024
3.	KETUA PEMBANTU TEKNIK C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2024/SEP/01/KHEU	BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	02 OKTOBER 2024
4.	PEMUNGUT SERANGGA E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2024/SEP/01/KKS	JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR, KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	02 OKTOBER 2024

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA**

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 08 /
2024 - 2025

Keterangan:

Pembekalan Dan Penghantaran Komputer Riba Bagi Pelajar-Pelajar Di Bawah Biasiswa Skim Khas A-Level 2024-2025, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
5 Rabiulakhir 1446H /
9 Oktober 2024M.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU /
CONTRACT / 2024 / 9 / 2

Tajuk Tawaran :

'Term Contract (12) Months For Cleaning And Housekeeping Works Of The Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 Oktober 2024.
Jam 2.00
Petang.

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Tawaran:
(104) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Kalender Jabatan Penerangan 2025

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis,
10 Oktober 2024.
Jam 8.00
Pagi.



Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
42 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024

The Supply, Delivery,
Installation, Setup,
Configuration, Testing And
Maintenance Of Cabling And
Network Accessories At

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Religious School Kampung Saba,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
23 Oktober 2024.
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Tawaran :
KKBS / PBS / B / 8.8 / 5 Pt.12

Tajuk Tawaran :
Tempahan Kain
dan Pemotongan Set Blazer
dan Baju
Bagi Rancangan
'Kapal Belia Asia Tenggara
dan Jepun 2024'

Tarikh Tutup :
Khamis,
10 Oktober 2024.
Jam 2.00
Petang.





MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 371 / 2010

BIBD At-Tawwil Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Shahrul
bin Abdullah Asun
(Warrant Card No. 5156)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 April 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Mohammad Shahrul
bin Abdullah Asun
No.323, Kampung Mulaut,
Jalan Mulaut, BG2121,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
26 Februari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
7 Mei 2024

Kes No
BCY / CP / 379 / 2019

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Haji Sarduni bin Haji Ahmat
(00-072402)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **2 Disember 2023** telah dibatalkan pada **4 Mei 2024**.

Nama Penghutang :
Haji Sarduni bin Haji Ahmat

Alamat Penghutang :
No.21, Spg. 57,
Jalan Kilanas, BF2520,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
15 Mei 2024

Kes No
BCY / CP / 396 / 2019

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Mohammad Shah Faizan
bin Jahri
(00-292773)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 Februari 2022** telah dibatalkan pada **4 Mei 2024**.

Nama Penghutang :
Mohammad Shah Faizan
bin Jahri

Alamat Penghutang :
No.180, Spg. 126,
STKRJ Kampung Rimba
Gadong, BE3119,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
11 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 44 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Pengiran Nurasri bin
Pengiran Haji Tajuddin
(00-304587)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 Februari 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Pengiran Nurasri bin
Pengiran Haji Tajuddin
No. 6, Spg. 326-36-4,
Kampung Perpindahan Serasa.
BT1728,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
7 April 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Februari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 8 Julai 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Julai 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :

15 Mei 2024

Kes No.
BCY / CP / 340 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen
Ismafadilla bin Ismail
(00-311487)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Mei 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Ismafadilla bin Ismail
Lot 462/6060, Spg. 766,
Kampung Agis-Agis,
Sungai Lalit Lumut,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
1 April 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh**.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Mei 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 29 Julai 2024, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Julai 2024, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :

15 Mei 2024

Nuuror-Raheebah binti
Haji Abd Wahab
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



جوالن سالینن گمبر ۲ دیکیتیل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

BINCANG KEGIATAN BAHARU SESUAI PERKEMBANGAN TERKINI MABBIM



DAYANG Hajah Annisa binti Haji Moksin selaku Ketua Perwakilan Brunei Darussalam dan Hafidz Muksin selaku Ketua Perutusan Indonesia semasa berucap (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Mesyuarat Sekretariat Pertama Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) yang berlangsung selama dua hari berakhir hari ini dengan menyaksikan penandatanganan Laporan Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM.

Majlis Penutup Mesyuarat diadakan di Bilik Mutiara 1, Hotel Radisson, Bandar Seri Begawan.

Penandatanganan Laporan Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM ditandatangani bersama oleh Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin selaku Ketua Perwakilan

Brunei Darussalam; Mohd. Fadzil bin Tajuid selaku Ketua Perwakilan Malaysia dan Hafidz Muksin selaku Ketua Perutusan Indonesia.

Majlis penutup diteruskan dengan ketukan palu oleh Ketua Perwakilan Brunei Darussalam, Dayang Hajah Annisa.

Acara diselajurkan dengan penyerahan dan pertukaran cenderamata antara ketiga-tiga Negara Anggota MABBIM.

Dayang Hajah Annisa ketika ditemui oleh pihak media berkata, mesyuarat berkenaan telah membincangkan dan merancang program serta kegiatan MABBIM baharu untuk diusulkan kepada

manfaat yang lebih luas kepada negara-negara anggota MABBIM khasnya dan negara luar anggota MABBIM umumnya.

"Di samping itu juga kegiatan-kegiatan yang sedia ada yang masih dilaksanakan dicadangkan untuk diubah konsep penyelenggaranya

bagi memperluas fungsi dan capaian serta diharap akan dapat memberikan dampak yang lebih positif kepada penganjur," ujarnya.

Antara perkara yang dipersempit untuk diusulkan di dalam Forum Ketua MABBIM bagi mengukuhkan lagi peranan MABBIM antaranya ialah pertemuan antara Menteri bagi Penandatanganan Penyataan Bersama antara ketiga anggota MABBIM.

Tambahnya, juga diusulkan ialah melaksanakan rangkaian kegiatan Sidang MABBIM 2025 seperti Seminar Kebahasaan Antarabangsa MABBIM dan



MESYUARAT Sekretariat Pertama Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) yang berlangsung selama dua hari berakhir dengan menyaksikan penandatanganan Laporan Mesyuarat Sekretariat Pertama MABBIM.

Forum Ketua MABBIM 2025, yang akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025.

"Dalam permesyuaratan ini juga dicadangkan usul-usul atau cadangan baharu yang lebih berinovasi, relevan, berimpak tinggi, sesuai dengan perkembangan terkini dan dapat memberikan manfaat yang lebih luas kepada negara-negara anggota MABBIM khasnya dan negara luar anggota MABBIM.

Acara diselajurkan dengan penyerahan dan pertukaran cenderamata antara ketiga-tiga Negara Anggota MABBIM.

Dayang Hajah Annisa ketika ditemui oleh pihak media berkata, mesyuarat berkenaan telah membincangkan dan merancang program serta kegiatan MABBIM baharu untuk diusulkan kepada

manfaat yang lebih luas kepada negara-negara anggota MABBIM khasnya dan negara luar anggota MABBIM.

Antara perkara yang dipersempit untuk diusulkan di dalam Forum Ketua MABBIM bagi mengukuhkan lagi peranan MABBIM antaranya ialah pertemuan antara Menteri bagi Penandatanganan Penyataan Bersama antara ketiga anggota MABBIM.

Tambahnya, juga diusulkan ialah melaksanakan rangkaian kegiatan Sidang MABBIM 2025 seperti Seminar Kebahasaan Antarabangsa MABBIM dan

syarahan MABBIM, beberapa kegiatan baharu seperti Penataran Korpus, Leksikografi dan Leksikologi; Penempatan Pegawai/Magang Bahasa; Pendigitalisasi Buletin Mabbim serta mengimprovasikan Rampak Serantau dengan mencadangkan pemberian penghargaan berbentuk sijil bagi menyemarakkan hasil MABBIM dalam kalangan negara anggota dan juga masyarakat dan penulis-penulis yang menghasilkan artikel dicadangkan untuk membentangkan hasil penulisan mereka itu di seminar atau kegiatan kebahasaan yang lain.

Indeks volum eksport Q2 meningkat

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Indeks volum eksport pada suku kedua (Q2) 2024 meningkat sebanyak 10.3 peratus berbanding tahun

sebelumnya, menyebabkan peningkatan jumlah nilai eksport daripada BND2,711.8 juta kepada BND3,802.9 juta.

Peningkatan indeks volum eksport

disumbangkan oleh peningkatan indeks bahan kimia (40.5 peratus), bahan api galian (11.0 peratus) dan barang-barang keluaran kilang (1.2 peratus).

Indeks nilai unit eksport mencatatkan peningkatan sebanyak 29.5 peratus, terutamanya disebabkan oleh peningkatan indeks bahan api galian (30.5 peratus), barang-barang keluaran kilang (7.3 peratus) dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (7.1 peratus).

Indeks nilai unit import mencatatkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus berbanding tahun sebelumnya, menyebabkan peningkatan jumlah nilai import

daripada BND2,323.0 juta kepada BND2,662.9 juta. Ini adalah disumbangkan oleh peningkatan bahan api galian (32.1 peratus), bahan kimia (16.3 peratus) dan barang-barang keluaran kilang (11.6 peratus). IMTI menunjukkan perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu.

Demikian antara yang dijelaskan dalam Siaran Media yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai Indeks Perdagangan Barang Antarabangsa (IMTI) Suku Kedua 2024 bagi Negara Brunei Darussalam.

Dalam Siaran Media tersebut seterusnya menerangkan bahawa indeks volum import pada Q2 2024

meningkat sebanyak 1.0 peratus disebabkan oleh peningkatan bahan api galian (32.1 peratus), bahan kimia (16.3 peratus) dan barang-barang keluaran kilang (11.6 peratus). IMTI menunjukkan perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu.

Indeks ini juga bermanfaat untuk membuat analisa pasaran global yang berdaya saing dalam mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara. Laporan penuh IMTI bagi Q2 2024 boleh didapat melalui laman sesawang JPES : <https://deps.mofe.gov.bn>.

Suku tahun	Q2 2023	Q2 2024	Perubahan (%)
Jumlah Eksport (BND Juta)	2,711.8	3,802.9	40.2
Indeks Nilai Unit Eksport	99.0	128.2	29.5
Indeks Volum Eksport	61.1	67.4	10.3
Suku tahun	Q2 2023	Q2 2024	Perubahan (%)
Jumlah Import (BND Juta)	2,323.0	2,662.9	14.6
Indeks Nilai Unit Import	121.8	123.2	1.1
Indeks Volum Import	115.9	117.1	1.0

TID ROLLOVER pada 24 November 2024

APA kah TID ROLLOVER ini?

Tetapan semula sistem yang berlaku **di seluruh dunia pada 24 November 2024**. Meter prabayar yang ada pada masa ini akan menolak token yang dijana selepas tarikh ini disebabkan kaunter dalaman mencapai hadnya.

KENAPA kah penukaran meter perlu dilakukan?

Meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY dimestikan untuk ditukar kepada Meter Pintar kerana Sistem Meter Pintar (USMS) tidak berdasarkan sistem token.

Layari laman sesawang dan Instagram Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) untuk mengikuti perkembangan mengenai TID Rollover.

www.des.gov.bn [desbrunei](https://desbrunei.com)

SIAPA kah yang terjejas akibat ROLLOVER ini?

Pelanggan yang menggunakan meter STS (token) seluruh dunia iaitu seperti meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY.

APA kah yang patut dilakukan jika jenama meter saya STAR, INHE & PLESSEY?

Berikan kerjasama kepada pihak yang berkenaan dalam menjayakan Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS

Hubungi DST Network Sdn Bhd bagi tempahan slot untuk penukaran Sistem Meter Pintar (USMS)

Talian Darussalam - 123

SUMBANGAN DERMA RINGANKAN BEBAN MANGSA MUSIBAH



Berita dan Foto : Ihsan Ikatan Persatuan Belia Bunut

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Mangsa-mangsa bencana angin kencang yang berlaku di Kampung Bunut Perpindahan, Daerah Brunei dan Muara pada 17 September lalu menerima bantuan kewangan daripada inisiatif Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan, Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB) dan para penduduk Kampung Bunut Perpindahan.

Majlis penyerahan derma kilat itu diadakan pagi tadi di rumah Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Bunut,



Awang Abd. Muiz bin Haji Jaafar. Diikuti dengan penyampaian derma berjumlah BND1,886 yang disempurnakan oleh Pemangku Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Mohammad Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid. Seramai empat ketua keluarga menerima sumbangan derma tersebut. Majlis diakhiri dengan bacaan doa

Haji Mohammad Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid. Seramai empat ketua keluarga menerima sumbangan derma tersebut. Majlis diakhiri dengan bacaan doa

3 entiti termasuk dalam Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti (iaitu syarikat dan individu) yang, berdasarkan maklumat yang tersedia kepada BDCB pada masa penerbitan, mungkin atau berkemungkinan telah disalah anggap sebagai dilesenkan atau diberi kebenaran/kelulusan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB ialah BTC Brunei Darussalam; Fusion Market; dan Royal Be Invested / Prestige Be Invested Ent.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsur skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada seseorang yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Sehubungan dengan itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.bn untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di negara ini.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui fci@bdcb.gov.bn.

MANGSA-mangsa bencana angin kencang yang berlaku di Kampung Bunut Perpindahan, Daerah Brunei dan Muara pada 17 September lalu menerima bantuan kewangan daripada inisiatif Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan, Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB) dan para penduduk Kampung Bunut Perpindahan (kiri sekali dan kiri).

Selamat dan Doa Tolak Bala oleh Awang Abd. Muiz.

Pemberian bantuan kewangan ini sedikit sebanyak membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa bagi membaik pulih kerosakan pada rumah dan meneruskan kehidupan sehari-hari. Usaha tersebut menunjukkan keprihatinan dan pemedulian masyarakat dan penduduk kampung terhadap mereka yang mengalami musibah.

Buang sampah : 2 syarikat dikenakan kompaun



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan

Muara telah menjalankan operasi penguatkuasaan di sekitar kawasan Mukim Pengkalan Batu. Hasil daripada operasi tersebut,



ANTARA syarikat yang dikenakan kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) (kiri dan bawah kiri).

pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan dua kompaun ke atas Raj Guru Sdn. Bhd. dengan jumlah BND2,000 dan Mahmoon Enterprise Sdn. Bhd. dengan jumlah BND500 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021).

Sehubungan ini, adalah diingatkan kepada pemilik / pengurus syarikat dan individu agar tidak mengambil ringan terhadap kesalahan-kesalahan yang telah dikenakan tindakan dan diarahkan untuk menjelaskan denda kompaun dengan segera serta membersihkan kawasan yang telah dijadikan tempat pembuangan sampah yang menyalaiki undang-undang.

Jika gagal, kes akan di bawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND3,000 bagi individu, manakala bagi syarikat tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak jabatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyuarakan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalaiki undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui aplikasi WhatsApp ke +673 8321581.



Tingkatkan kesejahteraan fizikal pesakit melalui fisiote api

Rencana dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Ilustrasi dan Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

AHLI fisioterapi atau juga dikenali sebagai jurupulih anggota adalah salah satu kerjaya klinikal di mana seorang ahli fisioterapi akan memeriksa pesakit bergantung kepada masalah yang dihidapi, menganalisa pergerakan mereka dan memberi rawatan fizikal yang bersesuaian. Memetik laman sesawang <https://world.physio> menyatakan bahawa ahli fisioterapi menyediakan perkhidmatan yang mengembangkan, mengekalkan dan memulihkan pergerakan dan kemampuan fungsional maksimum seseorang. Mereka dapat membantu orang ramai pada setiap tahap kehidupan, ketika pergerakan dan fungsi terancam oleh penuaan, kecederaan, penyakit, gangguan, keadaan atau faktor persekitaran.

Selain itu, seorang pakar fisioterapi dapat membantu orang ramai memaksimumkan kualiti hidup mereka, melihat kesejahteraan fizikal, psikologi, emosi dan sosial. Mereka bekerja dalam bidang kesihatan iaitu

promosi, pencegahan, rawatan / intervensi dan pemulihan.

Peranan

Fisioterapi membantu dalam pemulihan daripada kecederaan, kondisi kronik dan masalah pergerakan dengan senaman dan rawatan yang khusus. Melalui fisioterapi juga boleh meningkatkan pergerakan, mengurangkan kesakitan dan meningkatkan keseluruhan fungsi fizikal dan kualiti hidup. Sememangnya seorang ahli fisioterapi memainkan peranan penting untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal pesakit dengan membantu memulihkan pergerakan secara optimum melalui pelbagai kaedah yang bersesuaian. Antara kaedah yang diperlakukan adalah seperti mengajar latihan untuk meregangkan otot yang kencang, senaman menguatkan otot dan menunjuk cara ketika bangun dari katil dengan betul. Ahli fisioterapi juga berperanan

untuk membantu mengurangkan sakit yang dihidap oleh seseorang pesakit di mana contoh rawatan yang diberikan adalah penggunaan alat elektroterapi di samping memberi nasihat cara pergerakan atau senaman yang betul.

Hari Fisioterapi

Fisioterapi sememangnya menjadi salah satu profesi yang berkembang di negara ini di mana sehingga kini terdapat lebih 30 jurupulih anggota yang sedang berkhidmat dengan agensi kerajaan maupun swasta. Perkhidmatan fisioterapi juga disediakan di semua daerah di negara ini.

Oleh itu, bagi meningkatkan pengetahuan orang ramai tentang peranan ahli fisioterapi, Sambutan Hari Fisioterapi telah diadakan setiap 8 September, yang mana bagi Negara Brunei Darussalam sambutan diadakan di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan. Sambutan tahun ini yang memberikan tumpuan pada rawatan sakit pinggang telah dilancarkan oleh Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dengan objektif untuk mengongsikan dan meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai peranan ahli fisioterapi sebagai pakar dalam pergerakan badan, aktiviti fizikal dan senaman.

Beberapa booth fisioterapi telah disediakan semasa sambutan berkenaan di samping beberapa aktiviti menarik seperti aktiviti pergerakan untuk kesihatan iaitu aktiviti berjalan kaki, berlari, berbasikal atau berkerusi roda sepanjang laluan Bandar Seri Begawan sejauh 2.5 kilometer. Aktiviti seumpama itu antara lain bertujuan untuk menggalakkan orang ramai agar bergerak untuk kesihatan. Selain itu juga diadakan sesi konsultasi dan pemeriksaan fisioterapi terbuka secara percuma untuk orang ramai.

Sambutan seumpama ini diharap dapat memamerkan bagaimana fisioterapi boleh membantu dan memperkasakan orang ramai untuk kekal sihat dan cergas melalui aktiviti-aktiviti fizikal dalam kehidupan sehari-hari tidak kira peringkat umur ataupun keupayaan.

AHLI FISIOTERAPI BERKELAYAKAN DAN DIPERLUKAN SECARA PROFESIONAL UNTUK:



- Menjalankan pemeriksaan / penilaian menyeluruh terhadap pesakit / klien atau keperluan kumpulan pelanggan.
- Menilai daripada pemeriksaan / penilaian untuk membuat pertimbangan klinikal berkenaan pesakit / klien.
- Merumuskan diagnosis, prognosis dan rancangan.
- Mengadakan perundingan mengikut kepakaran mereka dan menentukan bila pesakit / klien perlu dirujuk kepada profesional penjagaan kesihatan yang lain.
- Melaksanakan program intervensi / rawatan ahli fisioterapi.
- Menentukan hasil daripada sebarang intervensi / rawatan.
- Membuat cadangan untuk pengurusan diri.

FISIOTERAPI ADA TIGA KATEGORI UTAMA:



MUSCULOSKELETAL

Rawatan diberikan kepada pesakit yang mengalami kecederaan pada otot, sendi ataupun urat, contohnya kaki yang terseluh, sakit belakang dan sakit bahu.



NEURO MEDICAL

Rawatan diberikan kepada pesakit yang mengalami kecederaan otak seperti strok.



CARDIOPULMONARY

Rawatan diberikan kepada pesakit yang mengalami masalah jantung ataupun paru-paru.



Terima Kasih Cikgu

Oleh : Ubaidah Al-Jarrah
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

D I sebuah sekolah di Bandar Seri Begawan, suasana ceria menyelubungi dewan sekolah. Hari itu adalah 23 September, Hari Guru yang sangat dinantikan oleh semua pelajar dan guru-guru. Seperti tahun-tahun yang lalu, Hari Guru disambut dengan meriah di sekolah itu untuk menghargai jasa dan pengorbanan para guru.

Sabrina, seorang pelajar Tingkatan 5, duduk di bangku hadapan sambil memandang pentas. Dia dan rakan-rakannya telah berlatih selama berminggu-minggu untuk mempersembahkan sebuah sketsa sempena Hari Guru. Hatinya berdebar-debar. Dia berasa sangat teruja kerana sketsa itu diilhamkan daripada pengalamannya sendiri dengan guru kesayangannya, Cikgu Zakiah.

"Sab, ko ok kah?" tanya rakannya, Fatin, sambil memegang bahu Sabrina dengan lembut. Fatin, yang memegang watak utama dalam sketsa itu, turut berasa gementar.

"Ok jua, aku gugup sikit tapi mudah-mudahan semua berjalan lancar," jawab Sabrina sambil tersenyum kecil, cuba menenangkan dirinya.

Setelah itu, Tuan Pengetua, Encik Rahman, memberikan ucapan pembukaan. Dia menekankan betapa pentingnya peranan guru dalam membentuk masa depan negara dan memuji dedikasi guru-guru di sekolah itu.

"Kita inda akan sampai ke sini tanpa guru-guru yang ikhlas mendidik kita. Guru bukan sahaja memberikan ilmu akademik, tetapi juga mendidik nilai-nilai murni. Saya amat berbangga dengan semua guru di sekolah ini," ucap Encik Rahman dengan penuh hormat.

Selepas ucapan itu, persembahan pelajar bermula. Lagu-lagu, puisi dan tarian dipersembahkan satu demi satu, diiringi dengan tepukan gemuruh daripada penonton. Akhirnya, tiba-tiba giliran Sabrina dan kumpulan sketsanya. Dia menarik nafas panjang dan memulakan lakonan dengan penuh penghayatan.

Sketsa itu mengisahkan seorang pelajar yang nakal dan sering memberontak tetapi berubah menjadi seorang pelajar yang cemerlang kerana nasihat dan bimbingan

seorang guru yang penyayang. Watak pelajar itu, yang dilakonkan oleh Fatin, berdasarkan kehidupan sebenar Sabrina sendiri.

Beberapa tahun yang lalu, Sabrina bukanlah pelajar yang rajin seperti hari ini. Dia sering ponteng kelas, tidak menyiapkan kerja rumah dan selalu melawan kata-kata guru. Namun, satu kejadian telah mengubah segalanya.

Satu hari selepas peperiksaan pertengahan tahun, Sabrina telah gagal dalam banyak mata pelajaran. Dia berasa putus asa dan malu, tetapi tidak menunjukkan perasaannya kepada sesiapa. Dia cuba melupakan masalahnya dengan melepak bersama rakan-rakan di luar sekolah. Namun, Cikgu Zakiah, guru Matematiknya, tidak berdiam diri.

"Kamu masih muda, Sabrina. Kamu ada masa depan yang cerah jika kamu berusaha. Gagal bukanlah pengakhiran, tapi permulaan untuk kita berusaha lebih gigih," kata Cikgu Zakiah dengan lembut pada suatu petang ketika mereka berdua berbual di dalam kelas yang sudah kosong.

Mendengar kata-kata itu, hati Sabrina tersentuh. Itulah kali pertama ada seseorang yang benar-benar mempercayainya walaupun dia telah gagal berkali-kali. Sejak hari itu, Sabrina mula mengubah sikapnya. Dia belajar dengan lebih tekun dan meminta bantuan guru-guru apabila dia tidak memahami sesuatu topik.

Sketsa itu berakhir dengan watak pelajar itu akhirnya berjaya mencapai keputusan yang cemerlang dan berdiri di atas pentas untuk menerima anugerah. Sebelum tirai ditutup, Sabrina yang menjadi narator sketsa itu melangkah ke depan dan berkata, "Untuk semua guru, terima kasih kerana tidak pernah putus harapan pada kami. Tanpa cikgu, kami tidak akan menjadi siapa kami hari ini".

Dewan dipenuhi dengan tepukan yang meriah. Air mata mengalir di pipi beberapa guru yang tersentuh dengan persembahan itu. Salah seorang daripadanya ialah Cikgu Zakiah, yang mengenali bahawa sketsa itu sebenarnya menggambarkan kisah Sabrina.

Selepas persembahan, beberapa pelajar dan guru berjumpa Sabrina untuk

mengucapkan tahniah.

"Sabrina, kau hebat sekali! Sketsa itu sangat menyentuh hati," kata Fatin sambil memeluk Sabrina.

"Terima kasih, Fat. Tapi ini semua untuk cikgu-cikgu kita, terutama sekali untuk Cikgu Zakiah," jawab Sabrina dengan rendah hati.

Tiba-tiba, Sabrina ternampak Cikgu Zakiah di hujung dewan, memandangnya dengan senyuman bangga. Tanpa berfikir panjang, Sabrina berjalan ke arah gurunya itu.

"Cikgu, sketsa tadi... sebenarnya, ia untuk cikgu. Terima kasih kerana tak pernah putus asa dengan saya," kata Sabrina dengan suara yang sedikit bergetar kerana sebak.

Cikgu Zakiah tersenyum lembut sambil memegang bahu Sabrina. "Cikgu hanya buat apa yang patut cikgu buat, Sab. Sabrina yang memilih untuk berubah. Cikgu bangga dengan kamu".

Air mata Sabrina menitis, tetapi kali ini bukan kerana sedih. Dia menangis kerana rasa syukur yang mendalam atas sokongan yang tidak pernah putus daripada Cikgu Zakiah dan semua gurunya.

Hari itu berlalu dengan penuh kegembiraan. Sambutan Hari Guru di sekolah itu telah berjaya memberikan penghormatan yang selayaknya kepada guru-guru yang tidak mengenal lelah dalam mendidik generasi muda. Bagi Sabrina, Hari Guru tahun ini bukan sekadar sambutan biasa, tetapi hari yang penuh makna. Hari itu menjadi simbol penghargaan yang mendalam kepada insan-insan yang telah mengubah hidupnya.

Malam itu, selepas pulang ke rumah, Sabrina duduk di meja belajarnya sambil memandang sijil pencapaianannya yang tergantung di dinding. Di sisinya, terdapat gambar kelas mereka bersama semua guru, termasuk Cikgu Zakiah. Sabrina tersenyum.

Dia tahu bahawa masa depan masih panjang, dan banyak lagi cabaran yang perlu dihadapi. Namun, dengan sokongan gurugurunya dan usaha yang tidak pernah berakhir, dia yakin bahawa dia akan terus melangkah maju.

Tidak lama kemudian, ibu Sabrina datang mengetuk pintu bilik.

"Sabrina, macam mana sambutan Hari Guru tadi?" tanya ibunya sambil tersenyum.

Sabrina tersenyum kembali. "Alhamdulillah, bagus sangat, bu. Kami buat persembahan sketsa tentang pentingnya guru dalam hidup pelajar. Sab rasa sangat puas hati sebab dapat ucap terima kasih secara tidak langsung kepada Cikgu Zakiah".

Ibu Sabrina duduk di tepi katil sambil memandang anak perempuannya dengan kasih sayang. "Ibu bangga dengan kamu, Sabrina. Kamu telah membuktikan bahawa dengan usaha dan sokongan orang yang sayang kita, kita boleh mencapai apa sahaja".

Sabrina mengangguk, menyedari bahawa bukan hanya guru yang telah menyokongnya selama ini, tetapi juga keluarganya. "Terima kasih, bu. Tanpa ibu dan ayah, Sab juga tak akan sampai ke tahap ini".

Ibunya tersenyum lebar, lalu berkata, "Yang penting, jangan lupa usaha sendiri juga. Kamu yang memilih untuk bangun daripada kegagalan dan terus berusaha. Ibu dan ayah hanya boleh berdoa dan menyokong dari belakang".

Keesokan harinya di sekolah, Sabrina dan rakan-rakannya berbincang panjang tentang cita-cita mereka dan betapa besarnya peranan guru dalam kehidupan mereka. Mereka berjanji akan terus belajar bersungguh-sungguh, bukan hanya untuk diri mereka sendiri, tetapi juga untuk membanggakan guru-guru yang selama ini tidak pernah lelah membimbangi mereka.

Sabrina tahu, perjalanan hidupnya masih jauh. Namun, dengan segala ilmu yang dicurahkan oleh gurugurunya dan sokongan padu dari keluarganya, dia yakin dia mampu menghadapi apa sahaja cabaran yang datang.

Hari Guru tahun ini bukan sahaja menjadi kenangan manis, tetapi juga satu titik tolak dalam hidup Sabrina untuk terus berjaya dan menghargai jasa mereka yang telah membimbanginya. Sesungguhnya, tiada yang lebih berharga dalam hidupnya selain sokongan daripada keluarga dan para pendidik yang sentiasa ada di belakangnya.

KUASA VETO LUMPUHKAN PERANAN UNSC UNTUK HENTIKAN SERANGAN ISRAEL

NEW DELHI, 26 Sept. - Maldives pada Rabu menyeru pemansuhan kuasa veto lima anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang terdiri daripada 15 anggota, dengan menyifatkannya menghalang badan dunia itu daripada mengambil tindakan terhadap Israel.

"Kuasa veto terus melumpuhkan Majlis daripada menghentikan perang genosid Israel terhadap rakyat Palestin. Kuasa veto membenarkan Israel bertindak se w e n a n g - w e n a n g n y a , melaksanakan penjajahan yang kejam dan membahayakan

keselamatan serantau.

"Kuasa veto terus membenarkan pembunuhan beramai-ramai orang yang tidak berdosa," kata Presiden Maldives Mohamed Muizzu semasa perbahasan peringkat tinggi di Majlis Keselamatan mengenai topik "Leadership for Peace."

Acara itu dianjurkan oleh Slovenia, yang memegang jawatan presiden Majlis Keselamatan untuk September, ketika pemimpin dunia berhimpun di New York bagi menghadiri mesyuarat tahunan Perhimpunan Agung PBB.

Ini adalah kali pertama seorang presiden Maldives berucap di

Majlis Keselamatan sejak negara itu menyertai PBB 59 tahun lalu. Muizzu menggunakan peluang itu untuk mengutarakan keimbangan yang dikongsi oleh majoriti masyarakat dunia.

Struktur Majlis Keselamatan kekal tidak berubah sejak ia ditubuhkan pada 1946 dan memberikan kuasa veto kepada anggota tetapnya iaitu Britain, China, Perancis, Rusia dan Amerika Syarikat.

Terdapat seruan yang semakin meningkat untuk menamatkan sistem veto, yang sering dipersalahkan atas kegagalan Majlis dalam mengekalkan keamanan dan

keselamatan antarabangsa.

"Ketidakpercayaan global terhadap sistem pelbagai hala terus meningkat. Dan itu sebahagian besarnya disebabkan oleh ketidakberkesanan dan kegagalan Majlis untuk bertindak.

"Kita bersidang di sini hari ini sementara genosid berlaku di hadapan Majlis Keselamatan yang tidak mahu menegakkan undang-undang antarabangsa dan menghentikannya," kata Muizzu.

Presiden Maldives itu menyatakan bahawa perbincangan mengenai reformasi Majlis Keselamatan PBB yang tidak menghasilkan sebarang



keputusan selama lebih 15 tahun perlu dihentikan, dan usaha untuk memulakannya harus dilaksanakan semula. Beliau turut menggesa Majlis untuk menangani implikasi ancaman keselamatan bukan tradisional.

"Seperti yang kita saksikan di Lubnan beberapa hari lalu, teknologi telah berkembang sehingga tahap peranti komunikasi di dalam poket kita boleh diletupkan secara jauh, kini menjadi satu realiti," katanya, merujuk kepada insiden letupan peranti komunikasi yang dicetuskan oleh Israel bulan ini hingga mengorbankan sekurang-kurangnya 37 rakyat Lubnan dan mencederakan ribuan yang lain. - ©BERNAMA

Ryanair labur US\$200 juta di Sweden, lancar 10 laluan baharu

LONDON, 26 Sept. - Syarikat penerbangan kos rendah Ryanair mengumumkan rancangan untuk melabur US\$200 juta di Sweden.

Pelaburan ini akan menyokong pelancaran 10 laluan baharu, sekali gus memperkuuh kehadiran syarikat penerbangan itu di negara terbabit, lapor agensi berita Jerman, dpa. Ini susulan keputusan kerajaan Sweden untuk

memansuhkan Cukai Penerbangan bermula 1 Julai 2025.

Dalam satu kenyataan, Ryanair menyifatkan keputusan Stockholm untuk memansuhkan cukai itu sebagai "pragmatik dan berpandangan jauh." Ryanair memaklumkan pihaknya akan segera meningkatkan kapasiti di Sweden dengan menambah dua pesawat Boeing 737 kepada

armada yang berpangkalan di negara itu.

Pelaburan US\$200 juta pada musim panas 2025 itu dijangka mewujudkan 60 pekerjaan baharu membabitkan juruterbang, kru kabin, dan jurutera tempatan, kata syarikat Ireland itu. Syarikat penerbangan itu juga merancang untuk melancarkan 10 laluan Ryanair baharu bagi Sweden. - ©BERNAMA

Pesawat United Airlines elak pelanggaran di udara, dua penumpang cedera

WASHINGTON, 25 Sept. - Dua penumpang cedera ketika juruterbang pesawat United Airlines terpaksa membuat maneuver untuk mengelakkan pelanggaran di udara, lapor United Press International (UPI).

Menurut Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA), seorang penumpang cedera parah dan seorang lagi mengalami kecederaan ringan selepas juruterbang penerbangan UA 2428 dari Newark, New Jersey menerima amaran perlanggaran dari pusat Kawalan trafik udara Oakland.

Pesawat Boeing 757-200 "memperlahan penurunan untuk memberi laluan kepada pesawat

lain yang berada pada altitud lebih rendah," menurut kenyataan United Airlines.

Maneuver itu adalah pertahanan terakhir terhadap perlanggaran di udara, menurut Persatuan Penerbangan Perniagaan Kebangsaan.

United Airlines memaklumkan bahawa tanda tali pinggang keselamatan telah dinyalakan, namun dua penumpang termasuk seorang yang tidak berada di tempat duduk ketika kejadian mengalami kecederaan dan dibawa ke hospital.

Rakaman audio daripada LiveATC.net mendedahkan juruterbang melaporkan kecemasan

perubatan kepada pengawal trafik udara di Oakland dengan menyatakan "seseorang mungkin patah buku lali dan beberapa penumpang cedera semasa kami menerima RA (Resolusi Amaran)."

Insiden itu berlaku pada ketinggian 31,000 kaki, kira-kira 70 batu utara San Francisco.

Data daripada FlightRadar24 menunjukkan pesawat Southwest Airlines berada kira-kira 3,000 kaki di bawah penerbangan United Airlines, dan pesawat SkyWest berada kira-kira 1,000 kaki lebih rendah.

FAA kini sedang menyiasat kejadian itu. - ©BERNAMA

Thailand siasat laporan pencemaran kadmium dalam eksport durian ke China

BANGKOK, 25 Sept. - Thailand sedang menyiasat laporan pencemaran kadmium dalam durian yang dieksport ke China dan setakat ini mendapati bahawa durian itu bukan berasal dari Thailand, lapor Agensi Berita Thai (TNA).

Pentadbiran Am Kastam China (GACC) mengeluarkan amaran mengenai penghantaran durian tercemar kadmium dari Thailand, menyebabkan penggantungan sementara eksport dari syarikat yang terjejas, syarikat pembungkusan dan kebun yang diperakui GAP.

Kementerian Pertanian dan Koperasi Thailand menghantar

pegawai dari Jabatan Pertanian untuk mengumpul sampel durian, tanah, air, dan input pengeluaran bagi menguji pencemaran. Ujian awal menunjukkan paras kadmium berada dalam had yang dibenarkan iaitu 0.05 mg/kg.

Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Koperasi, Prayoon Insakul mendedahkan bahawa siasatan awal menunjukkan buah-buahan yang tercemar itu bukan dari selatan Thailand.

Pihak berkuasa sedang mengumpul maklumat untuk menyelesaikan isu ini tanpa mengganggu eksport.

Pegawai Thailand menegaskan

bahawa China tidak mengenakan larangan ke atas import durian dari Thailand dan eksport berjalan seperti biasa.

Jabatan Pertanian juga mempergiat usaha untuk mencegah import durian haram dari negara jiran, yang boleh menjaskas harga dan piawai kualiti tempatan.

Bagi memastikan keselamatan dan kualiti produk, pengeksport terkemuka seperti Platinum Fruit melaksanakan prosedur ujian yang ketat, termasuk ujian tanah dan air, pemeriksaan berterusan dan pensampelan rawak sebelum eksport. - ©BERNAMA

Erdogan kecam UNSC kerana gagal hentikan perang di Gaza, samakan situasi sebagai 'genosid'

ISTANBUL, 25 Sept. - Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan mengkritik Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) kerana gagal menghentikan apa yang disifatkannya sebagai 'genosid' di Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

"Apa yang anda tunggu untuk menghalang genosid di Gaza dan menghentikan kekejaman serta kebiadaban ini?", kata Erdogan semasa Perbahasan Umum di Perhimpunan Agung PBB di New York pada Selasa.

"Seperti mana Hitler dihentikan oleh perikatan kemanusiaan 70 tahun lalu, Netanyahu dan rangkaian pembunuhan juga mesti dihentikan oleh perikatan kemanusiaan," katanya sambil menyamakan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu dengan Adolf Hitler.

Erdogan turut menyokong hak sah rakyat Palestin untuk "melawan" dan menyeru agar Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang merdeka.

Erdogan sebelum ini pernah menyifatkan kumpulan Islam Palestin, Hamas, sebagai 'organisasi pembebasan'. - ©BERNAMA

Bau pelik dikesan pada air paip di Tokyo

TOKYO, 25 Sept. - Biro Air Metropolitan Tokyo menyiasat punca bau pelik yang dikesan pada air paip di beberapa kawasan di Sumida dan Minato pada Selasa, lapor Xinhua.

Penduduk di sebahagian kawasan terbabit mendapati air paip mereka berbau seperti 'thinner' atau pencair, menyebabkan 420 isi rumah dinasihatkan agar tidak minum air itu.

Bagaimanapun, bau terbabit hilang pada Rabu selepas kerja-kerja 'flushing' paip dilakukan dan ujian susulan menunjukkan kualiti air adalah selamat serta tidak mendatangkan risiko kesihatan.

Siasatan terhadap punca bau di dua kawasan yang mempunyai sistem pengagihan air berbeza itu masih dijalankan. - ©BERNAMA

Rusia tingkatkan eksport aluminium ke China, capai rekod US\$2.3 bilion

MOSCOW, 25 Sept. - Rusia meningkatkan eksport aluminium ke China dengan penghantaran meningkat 1.4 kali ganda kepada rekod US\$2.3 bilion antara Januari dan Ogos 2024, lapor Sputnik.

Lonjakan ini mengukuhkan lagi hubungan perdagangan antara kedua-dua negara di tengah perubahan dinamik ekonomi global.

Pada 2019, import aluminium China dari Rusia hanya berjumlah US\$60.6 juta.

Sementara itu, jualan tembaga kekal pada tahap yang sama iaitu US\$1.7 bilion, manakala bekalan nikel menurun kepada US\$518 juta daripada US\$709 juta.

Pada masa yang sama, Rusia mengurangkan bekalan besi dan keluli ke China sebanyak satu pertiga kepada US\$286.7 juta, sementara meningkatkan eksport produk daripada logam ini sebanyak 1.8 kali ganda kepada US\$274 juta.

Bekalan logam dari Rusia ke China meningkat sebanyak sembilan peratus kepada US\$5.1 bilion, berbanding US\$4.7 bilion untuk tempoh yang sama tahun lepas. - ©BERNAMA



KUALA LUMPUR, 27 Sept. - Sistem perjalanan moden dan lancar yang diperkenalkan, digabungkan dengan dasar menggalakkan seperti perjalanan tanpa visa bagi rakyat Malaysia ke China, telah memperkuuh hubungan antara rakyat kedua-dua negara dengan memacu peningkatan pelancongan dan interaksi, kata Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Datuk Seri Wong Chun Wai.

Beliau berkata demikian dalam satu temu bual selepas beberapa kali mengunjungi China, terutama pada 2024, bersempena ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

KEMUDAHAN PERJALANAN KUKUHKAN HUBUNGAN RAKYAT MALAYSIA-CHINA - PENGERUSI BERNAMA

Wong memuji kemudahan perjalanan ke China yang mengagumkan, sambil menekankan langkah-langkah pihak berkuasa China dalam mengalui-alukan kedatangan pelancong.

Beliau menjelaskan mengenai kemudahan yang disediakan di lapangan terbang di China, seperti pintu masuk automatik yang dilengkapi arahan dalam pelbagai bahasa dan sikap mesra pegawai tempatan.

Wong turut kagum dengan perkhidmatan di bahagian imigresen.

"Saya tidak fasih berbahasa Cina. Anda tidak perlu bercakap bahasa Cina, dan anda hanya perlu meletakkan pasport anda pada mesin."

"Sistem akan mengenal pasti anda berasal dari Malaysia. Suara

dari mesin bahkan menyambut saya dengan ucapan 'Selamat Datang ke China' dalam Bahasa Melayu," katanya.

Pengerusi Bernama itu juga memuji infrastruktur pengangkutan kereta api China, yang membolehkan perjalanan pantas dari Hangzhou ke Shanghai dengan menggunakan kereta api laju.

"Saya harap dunia dapat melihat lebih banyak kemajuan teknologi dalam pengangkutan yang dilaksanakan oleh China."

"Saya akan katakan bahwa perkara paling mengagumkan di China bagi saya adalah transformasi rangkaian kereta apinya. Rangkaian kereta api itu benar-benar menakjubkan. Saya fikir ia adalah yang paling luas di dunia dari segi kereta api berkelajuan tinggi," katanya.

Mengimbang ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China, Wong menekankan pencapaian luar biasa yang dicapai setakat ini, tetapi mengakui peluang yang lebih besar menantikan terutamanya dalam kerjasama ekonomi.

Beliau juga menegaskan bahawa Malaysia dan rantau Asia Tenggara secara keseluruhan sedang mengalami transformasi pesat, sebahagiannya didorong oleh kejayaan ekonomi China.

"Walaupun Malaysia kecil, kami mempunyai pasaran kelas pertengahan yang besar. Ini bermakna terdapat kuasa beli yang baik."

"Jadi, adalah sangat bagus (pengeluar kereta China) Geely dan Proton bekerjasama di Malaysia. Ia bukan sahaja untuk memenuhi pasaran Malaysia tetapi

sebagai hab untuk menghantar produk ke negara-negara lain."

"Saya sangat berharap Malaysia dan China dapat bekerjasama lebih rapat dalam bidang teknologi dan pengangkutan, kerana pada pendapat saya, ada banyak yang boleh dipelajari dari China dari segi kemajuan teknologi," katanya.

Bersempena Hari Kebangsaan China yang bakal tiba, Wong turut menyampaikan ucapan tahniah.

"Bagi pihak Bernama, saya mengucapkan selamat maju jaya dan mendoakan kemakmuran kepada rakyat dan kerajaan China untuk tahun-tahun akan datang," katanya.

Beliau juga berharap agar hubungan persahabatan antara rakyat Malaysia dan China akan terus diperkuuh dan berkembang pada masa hadapan. - ©BERNAMA

Tangisan kebebasan : Abbas seru hentikan genosid

NEW YORK, 27 Sept. - Saat Presiden Palestin Mahmoud Abbas melangkah ke podium di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada hari ketiga Debat Umum, dewan itu bergema dengan tepukan gemuruh, menunjukkan betapa beratnya mesej yang akan disampaikan sebelum beliau mula

berucap.

Dalam ucapan selama 25 minit pada Khamis, Abbas menyeru supaya perang yang sedang berlangsung di Gaza dihentikan segera, menyifatkannya sebagai "genosid besar-besaran."

Kata-katanya disampaikan dengan nada penuh emosi dan

mendesak, menggetarkan hati bukan sahaja khalayak global tetapi juga rakyat Malaysia yang sekian lama menyokong perjuangan Palestin.

Deklarasi tegas Abbas, "Kami tidak akan pergi. Palestin adalah tanah air kami... jika ada yang perlu pergi, ia adalah penjajah yang merampas," katanya dengan nada yang begitu menyentuh hati dan penuh emosi.

Tidak seperti UNGA tahun lalu, yang berlangsung sebelum meletusnya perang antara Palestin dan Israel, sesi tahun ini berlaku di tengah-tengah bayangan konflik yang bermula pada 7 Okt 2023. Ucapan Abbas mendapat perhatian yang lebih besar disebabkan genosid yang sedang berlaku dan kesan dahsyat mengenai keganasan terhadap rakyat Palestin.

Masyarakat dunia mendengar dengan penuh teliti rnyannya untuk keadilan dan menghentikan pertumpahan darah. Semua yang berada di dalam dewan menyaksikan UNTV, perkhidmatan penyiaran rasmi PBB, yang menyiarangkan reaksi wakil Israel dan Amerika Syarikat, dengan ekspresi wajah yang kosong, berbeza dengan kecaman Abbas terhadap peranan mereka dalam meneruskan

keganasan.

Suasana penuh emosi semakin terasa apabila beliau menyebut jumlah kematian di Gaza -- lebih 40,000, termasuk 15,000 kanak-kanak dalam tempoh kurang dari setahun.

"Hentikan genosid ini. Hentikan genosid. Seluruh dunia bertanggungjawab atas apa yang sedang berlaku," tegasnya, sementara kamera memfokuskan kepada kerusi wakil Lubnan -- satu peringatan tentang kesan konflik ini yang turut melibatkan Lubnan. Kata-kata Abbas sejajar dengan pendirian lama Malaysia mengenai perjuangan Palestin dan tanggungjawab antarabangsa.

Beliau turut meluahkan kekecewaannya terhadap Amerika Syarikat (AS), terutamanya apabila beliau mengutuk penggunaan veto berulang kali dalam Majlis Keselamatan PBB untuk menyekat resolusi yang boleh menguatkuasakan gencatan senjata.

Ketika Abbas menggambarkan kemusnahan besar di Gaza di mana 75 peratus infrastruktur musnah, rnyannya untuk perlindungan antarabangsa terhadap rakyat Palestin mencerminkan seruan

konsisten Malaysia untuk pasukan pengaman antarabangsa di rantau itu.

"Kami tidak berperang dengan Israel; kami tidak boleh melawan Israel... tetapi kami mahukan perlindungan," kata pemimpin itu. Seruan untuk campur tangan global terasa sangat mendesak, terutama dalam konteks sokongan Malaysia terhadap misi pengaman antarabangsa di Palestin.

Abbas turut mengecam pencerobohan Israel terhadap Lubnan, yang sekali lagi membawa fokus kamera UNTV kepada delegasi Lubnan, menonjolkan kesan mendalam terhadap konflik ini. Ketika beliau mengakhiri ucapannya, teriakan spontan "Bebas, bebas Palestin!" bergema di seluruh dewan.

Kata-kata akhir Abbas merupakan penghormatan kepada ketabahan rakyat Palestin. Beliau berkata, "Rakyat kami akan terus hidup di tanah nenek moyang mereka, seperti yang mereka lakukan selama lebih daripada 6,000 tahun". Mesej beliau penuh dengan ketegasan dan harapan, pasti menggetarkan hati Malaysia yang sentiasa berdiri teguh dalam solidariti dengan perjuangan Palestin. - ©BERNAMA

EU seru gencatan senjata segera di Lubnan

BRUSSELS, 27 Sept. - Kesatuan Eropah (EU) menyeru dua pihak yang bertalah di Lubnan untuk segera melaksanakan gencatan senjata merentasi Blue Line, yang akan menamatkan semua ancaman rentas sempadan secara berkesan dan segera, lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

EU juga menggesa kedua-dua pihak untuk berusaha ke arah pelaksanaan penuh dan simetri bagi Resolusi 1701 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), demi memastikan kepulangan selamat bagi penduduk yang dipindahkan sebagai sebahagian daripada penyelesaian rundingan yang lebih luas.

Kesatuan Eropah amat prihatin dengan permasalahan ketenteraan yang semakin memuncak dalam serangan baru-baru ini di kawasan padat penduduk.

"Kami kesal dan kecewa terhadap akibat yang perlu ditanggung orang awam, termasuk kanak-kanak dan kakitangan PBB, serta menggesa agar Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa dihormati dalam semua keadaan."

"Peningkatan ketegangan selanjutnya akan membawa kesan dramatik kepada rantau ini dan seterusnya," kata Wakil Tinggi EU bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan, Josep Borrell dalam satu kenyataan.

Resolusi 2749 Majlis Keselamatan PBB, yang diluluskan sebulat suara pada 28 Ogos 2024, menggesa semua pihak yang berkaitan melaksanakan langkah segera ke arah meredakan ketegangan, katanya. - ©BERNAMA

Guterres seru penghapusan senjata nuklear secara keseluruhan di Perhimpunan PBB

NEW YORK, 27 Sept. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres memberi amaran mengenai ketegangan global yang semakin meningkat serta percambahan semula senjata nuklear, lapor Xinhua.

Beliau menyampaikan mesej ini pada sesi ke-79 Perhimpunan Agung PBB, sempena Hari Antarabangsa untuk Penghapusan Keseluruhan Senjata Nuklear ke-10.

Guterres menekankan bahawa perpecahan geopolitik dan kurangnya kepercayaan antara negara-negara telah meningkatkan ketegangan dan mencetuskan perlumbaan senjata nuklear yang baharu.

Beliau menyeru komuniti antarabangsa untuk bersatu menyampaikan mesej yang jelas iaitu satu-satunya cara untuk menghapuskan ancaman nuklear adalah dengan menghapuskan senjata nuklear sepenuhnya.

Setiausaha Agung itu juga menekankan bahawa perlucutan senjata dan usaha untuk menghentikan percambahan senjata nuklear saling berkaitan—kemajuan dalam satu bidang akan mendorong kemajuan dalam bidang yang lain.

"Negara-negara perlu bertindak segera untuk mencapai kedua-dua matlamat ini," tegasnya. Guterres turut menyeru negara-negara yang memiliki senjata nuklear untuk menjadi teladan termasuk menghormati komitmen perlucutan senjata dan berjanji untuk tidak menggunakan atau mengancam menggunakan senjata nuclear.

Beliau juga menekankan keperluan untuk mengukuhkan dan menyesuaikan dengan perjanjian sedia ada yang bertujuan menghentikan penyebaran dan ujian senjata nuklear, terutama sekali dalam menghadapi kemajuan teknologi yang boleh meningkatkan ancaman. "Masa depan kita bergantung pada tindakan ini. Mari kita hapuskan senjata nuklear dari dunia kita untuk selamanya," katanya. - ©BERNAMA

Parti Pemerintah Jepun pilih pemimpin baru gantikan Kishida

TOKYO, 27 Sept. - Parti pemerintah Jepun akan memilih pemimpin baru pada Jumaat untuk menggantikan Perdana Menteri Fumio Kishida. Pemilihan sengit ini bertujuan memulihkan keyakinan pengundi yang terjejas akibat skandal dana rahsia, lapor Agensi Berita Kyodo.

Bekas Menteri Pertahanan Shigeru Ishiba, Shinjiro Koizumi—calon termuda Parti Demokratik Liberal (LDP) dan Menteri Keselamatan Ekonomi Sanae Takaichi kini mendahului enam pesaing lain, berdasarkan kiraan undi dan analisis Kyodo News.

Tiada calon yang dijangka mendapat majoriti dalam pusingan pertama pengundian. Pemimpin baru LDP akan berdepan cabaran besar untuk memulihkan imej parti menjelang pilihan raya umum yang mungkin akan diadakan tidak lama lagi.

Kepimpinan mereka akan diuji dalam keadaan ekonomi Jepun yang masih rapuh dengan kos sara hidup meningkat, serta ancaman keselamatan dari negara-negara luar.

Pemilihan berlangsung hanya beberapa hari selepas Parti Demokratik Perlembagaan Jepun (CDPJ) iaitu parti pembangkang utama, memilih bekas Perdana

Menteri Yoshihiko Noda sebagai pemimpin baharu mereka.

Noda pernah berkhidmat sebagai perdana menteri Jepun selama setahun bermula 2011. Ini adalah perubahan kepimpinan pertama LDP sejak 2021, dengan sembilan calon bertanding untuk merebut jawatan tertinggi itu.

Jika tiada calon memperoleh majoriti dalam pusingan pertama, dua calon yang memperoleh sokongan tertinggi akan bertanding dalam pusingan penentuan pada hari yang sama.

Dalam pusingan pertama, undi dari ahli akar umbi dijangka memainkan peranan penting kerana sokongan dalam kalangan ahli parliment LDP agak terpecah. Setiap calon memerlukan sokongan 20 ahli Parliment untuk memfailkan pencalonan.

Ishiba, 67, seorang pakar dalam bidang pertahanan dan pemuliharaan wilayah, popular dalam kalangan penyokong tempatan tetapi kurang mendapat sokongan dalam kalangan ahli Parliment LDP.

Koizumi, 43, anak kepada bekas Perdana Menteri Junichiro Koizumi, bertanding buat kali pertama. Usianya dilihat sebagai kelebihan dan juga kelemahan, kerana ada yang berharap dia membawa pembaharuan tetapi

ada yang meragui pengalamannya untuk mentadbir.

Takaichi, 63, disokong oleh puak konservatif yang sealiran dengan bekas Perdana Menteri Shinzo Abe, dan berpeluang menjadi perdana menteri wanita pertama Jepun. Ini adalah kali kedua beliau bertanding dalam pemilihan kepimpinan parti.

Ketiga-tiga mereka berjanji akan membubarkan Dewan Rakyat untuk pilihan raya awal sebelum akhir tahun ini.

Calon lain termasuk bekas Menteri Keselamatan Ekonomi Takayuki Kobayashi, Ketua Setiausaha Kabinet Yoshimasa Hayashi, Menteri Luar Yoko Kamikawa, bekas Menteri Kesihatan Katsunobu Kato, Menteri Digital Taro Kono, dan Setiausaha Agung LDP Toshimitsu Motegi.

Sepanjang kempen selama 15 hari, kesemua calon menggariskan visi mereka untuk Jepun, sebuah negara yang semakin menua dengan pertumbuhan ekonomi yang rendah.

Kishida, yang menewaskan Takaichi dan Kono pada 2021, turut menggalakkan anggota Kabinetnya untuk bertanding. Bagaimanapun, sesi perbahasan antara calon-calon tidak begitu mendalam kerana kekangan masa. - ©BERNAMA

2 PINGAT EMAS PERTAMA BUAT NBD



PENYAMPAIAN pingat bagi Acara Taolu Girl's Taijiquan 'C' disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), selaku Pengurus Jawatankuasa Pengangur Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9 (atas). Sementara gambar kanan, Pengurus Bersama Jawatankuasa Pengangur Kejohanan, Dr. Mohd Firdaus Abdul Rahman semasa menyampaikan pingat bagi Acara Taolu Boy's Taijiquan 'C'.

BERAKAS, Khamis, 26 September. - Kedua-dua atlet Negara Brunei Darussalam (NBD), Samuel Yong Jun Ong dan Meagan Marie Keasberry masing-masing berjaya merangkul pingat emas bagi Acara Taolu Boy's Taijiquan 'C' dan Acara Taolu Girl's Taijiquan 'C' pada Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9.

Samuel Yong Jun Ong mencatat kiraan 8.446, manakala Meagan Marie Keasberry mencatat kiraan 8.480 pada acara berkenaan.

Pingat perak bagi Acara Taolu Boy's Taijiquan 'C' dimenangi oleh Chiamous K Shin Jay Wong dari Malaysia dan Ammar Hassan Khalifa Zayed dari Egypt meraih pingat gangsa.

Yu Xuan Ng dari Malaysia dan Breena Jeffelin Susanto dari Indonesia masing-masing menyandang pingat perak dan gangsa bagi Acara Taolu Girl's Taijiquan 'C'.

Hadir menyempurnakan penyampaian pingat bagi Acara Taolu Boy's Taijiquan 'C' ialah

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman, Ak. Md. Hasanal Ali Saodiqen Pg Haji Abu Bakar



dalam Acara Taolu Boy's Taijiquan 'A' dan Girl's Taijiquan 'A'.

Menyandang pingat perak Acara Taolu Boy's Taijiquan 'A' disandang oleh Ching Hwa Chu dari NBD dan manakala Nabil Fa'iq Sakman Al-Farizi dari Indonesia meraih pingat gangsa.

Pingat perak Acara Taolu Girl's Taijiquan 'A' pula disandang oleh Charlotte Leting Ng dari Singapura dan pingat gangsa dimenangi oleh Yilin Zhang dari China.

Hadir menyempurnakan penyampaian pingat bagi Acara Taolu Boy's Taijiquan 'A' ialah Ahli Lembaga Eksekutif Pesekutuan Wushu Antarabangsa (IWUF), Mahdi Alinejad dan maskot disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Belia) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Manakala itu, penyampaian pingat bagi Acara Taolu Girl's

Taijiquan 'A' disempurnakan oleh Dr. Mohd Firdaus dan maskotnya pula disampaikan oleh Ahli Pengangur Eksekutif Kejohanan, Ling Ting Chai.

Dalam pada itu, pingat emas bagi



ANTARA atlet yang menyertai Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9.

Mempersiapkan Pasukan Bola Jaring Kebangsaan untuk Kejohanan Netball Asia

Siaran Akhbar dan Foto :
Bola Jaring Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) dengan kerjasama Pitch Sport, Kolej Kosmopolitan Brunei dan NetSquad akan menganjurkan Siri Perlawanan Pasukan Bola Jaring Sri Lanka State Services bermula dari 25 September hingga 7 Oktober 2024.

Ini merupakan satu langkah penting dalam pembangunan sukan di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana wakil negara, BNA akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Bola Jaring Asia (Asian Netball Championship-ANC) yang akan diadakan di Bangalore, India.

Objektif siri perlawanan tersebut adalah untuk mempersiapkan BNA, dari segi kebolehsuaian kemahiran, ketahanan mental dan prestasi keseluruhan mereka dengan mensimulasikan persekitaran kompetitif yang berbeza serta senario mencabar.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkuatkkan hubungan sukan antarabangsa antara Sri Lanka dan NBD. Siri selama 13 hari ini akan menyaksikan sebanyak tujuh perlawanan persahabatan dan beberapa sesi latihan di seluruh



BOLA Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) dengan kerjasama Pitch Sport, Kolej Kosmopolitan Brunei dan NetSquad akan menganjurkan Siri Perlawanan Pasukan Bola Jaring Sri Lanka State Services bermula dari 25 September hingga 7 Oktober 2024.

NBD, di mana BNA akan berpeluang bersaing dalam perlawanan berintensiti tinggi.

Pperlawanan akan diadakan di pelbagai lokasi seperti Stadium Ibu Pejabat Polis, Kompleks Sukan Tutong, dan Kompleks Sukan Mumong di Kuala Belait bagi membolehkan para pemain terbiasa dengan pelbagai persekitaran permainan.

Selain itu, BNA juga menyasarkan untuk mensimulasikan keadaan kompetitif dalam persiapan mereka dan menguji taktik mereka dalam pertandingan secara langsung sebelum menghadapi pasukan

antarabangsa di ANC.

Kejayaan dalam pertandingan antarabangsa seperti ANC boleh menaikkan kedudukan NBD dalam arena sukan global. Pada masa ini, NBD berada di tangga ke-6 di Asia menurut Asia Netball. Pencapaian ini diharap dapat memberi motivasi kepada golongan belia untuk melibatkan diri dalam sukan dan memacu pertumbuhan dari peringkat akar umbi.

Siri selama 13 hari ini direalisasikan dengan sokongan utama daripada Pitch Sport, Kolej Kosmopolitan Brunei dan

NetSquad sebagai penaja utama, yang akan menampilkan sebanyak 7 perlawanan persahabatan dan beberapa sesi latihan di seluruh negara.

Royal Bees akan berpeluang bersaing dalam perlawanan berintensiti tinggi, dengan perlawanan diadakan di pelbagai venue seperti Stadium Ibu Pejabat Polis, Kompleks Sukan Tutong dan Gelanggang Mumong di Kuala Belait.

Sumbangan daripada para penaja ini bukan sahaja menyediakan kemudahan dan sokongan kepada pasukan tetapi juga membantu

pemain menyesuaikan diri dengan persekitaran permainan yang berbeza. Siri perlawanan ini bukan sahaja akan memperkuatkkan persiapan BNA untuk ANC, tetapi juga akan menyumbang kepada pertumbuhan dan kejayaan jangka panjang landskap sukan di negara ini.

Siri Perlawanan Pasukan Bola Jaring Sri Lanka State Services ini menggariskan komitmen NBD terhadap kecemerlangan sukan dan menjadi asas kepada potensi kejayaan dalam pertandingan antarabangsa pada masa akan datang.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9 buka tirai

BERAKAS, Rabu, 25 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persekutuan Wushu Brunei Darussalam mengadakan Majlis Pembukaan Rasmii Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Atur cara dimulakan dengan Perbarisan Lalu Atlet dan Pegawai Teknikal dari 50 buah negara yang menyertai kejohanan berkenaan.

Negara-negara yang ikut serta ialah Algeria, Armenia, Australia, Belgium, Benin, Brazil, Bulgaria, Kanada, Republik Rakyat China, Czechia, Egypt, Perancis, Great Britain, Georgia, Jerman, Hong Kong, Indonesia, India, Republik Islam Iran, Iraq, Itali, Jepun, Jordan, Kazakhstan, Republik Korea, Kuwait, Republik Demokratik Rakyat Lao, Lebanon, Lithuania, Macao, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Palestin, Portugal, Romania, Senegal, Singapura, Sri Lanka, Switzerland, Turkmenistan, Chinese Taipei, Tunisia, Turkiye, Ukraine, Amerika Syarikat, Uzbekistan, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku pengjur Kejohanan

Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9. Majlis diteruskan dengan Lagu Kebangsaan NBD dan Lagu Rasmi Persekutuan Wushu Antarabangsa (IWUF).

Naib Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024, antara lain menjelaskan hari ini menandakan peristiwa penting, kerana ia adalah kali pertama NBD menjadi tuan rumah bagi acara Wushu peringkat antarabangsa.

Tambahnya lagi, kejohanan berkenaan adalah lebih daripada sekadar pertandingan, ia adalah perayaan semangat Wushu yang menyatukan kesemua negara yang ikut serta.

"Wushu bukan hanya tentang kemahiran atau disiplin, ia adalah tentang mencuba sehabis mungkin, menguji had, dan memberi inspirasi antara satu sama lain untuk mencapai kemenangan.

"Saya juga yakin bahawa setiap atlet bukan sahaja akan mempamerkan bakat yang luar biasa, tetapi juga keberanian, dedikasi, dan rasa hormat yang menjadikan wushu seni mempertahankan diri yang benar-benar istimewa," jelasnya lagi.

Majlis perasmian turut menyaksikan bacaan Ikrar Atlet oleh Lim Wan Xin dan bacaan Ikrar Juri oleh Marcus Alves dari Brazil.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

Seterusnya, tetamu kehormat majlis menyempurnakan perasmian Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024.

Bagi meriahkan lagi majlis perasmian, majlis diserikan dengan Persembahan Khas daripada PGS RMF Music Academy, Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, atlet Wushu Brunei Darussalam dan Sekolah Menengah Chung Hwa.

Kejohanan berkenaan diadakan bermula pada hari ini sehingga 29 September 2024 yang menyaksikan sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu acara Taolu yang akan diadakan di Stadium Tertutup, KSNHB dan acara Sanda akan berlangsung di Dewan Serbaguna, KSNHB.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 ialah acara kejohanan dunia rasmi yang dianjurkan oleh Persekutuan Wushu Antarabangsa (International Wushu Federation - IWUF).

Kejohanan Wushu Remaja Dunia berlangsung setiap dua tahun dan merupakan kejohanan remaja kemuncak rasmi IWUF dan menampilkan tahap daya saing tertinggi di kalangan atlet remajanya.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa

YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan perasmian

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 (kanan), manakala gambar bawah, majlis perasmian menyaksikan bacaan Ikrar Atlet oleh Lim Wan Xin dan bacaan Ikrar Juri oleh Marcus Alves dari Brazil.



Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024; Setiausaha-setiausaha Tetap, wakil Majlis Olimpik Kebangsaan NBD, atlet-atlet daripada 50 negara dan

Jawatankuasa Kerja Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024.



WALID LACHKAR RAIH PINGAT PERAK PERTAMA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Yan Lin Wang dan Baihao Zhao iaitu pasukan dari Republik Rakyat China masing-masing meraih pingat emas bagi Acara Boy's Changquan 'A' dan Boy's Changquan 'B' pada Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, 2024 yang diadakan pada sesi petang di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Manakala Walid Lachkar dari Negara Brunei Darussalam meraih pingat perak dan Man Lok Ip dari Macau, China meraih pingat gangsa bagi Acara Boy's Changquan 'A'.

Hadir menyempurnakan pingat kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengangur Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9. Manakala, Pengarah Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Setiausaha Agung Jawatankuasa Pengangur Eksekutif kejohanan tersebut menyempurnakan penyampaian maskot kepada para pemenang.

Sementara itu, Jia Hao Lucas Teo dari Republik Singapura menyandang pingat perak dan pingat gangsa dikutip oleh Richard Dean Kurnia dari Republik Indonesia bagi Acara Boy's Changquan 'B'. Penyampaian pingat bagi kategori tersebut disampaikan oleh Naib

Pengerusi Bersama kejohanan, Tan Kai Teck dan penyampaian maskot pula disampaikan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengangur kejohanan, Dr. Mohd Firdaus Abdul Rahman.

Dalam Acara Girl's Changquan 'B', Zheng Yao Wei dari Republik Rakyat China berjaya mengutip pingat emas, pingat perak Yurino Imai dari Jepun dan pingat gangsa, Billie Karina dari Republik Indonesia.

Penyampaian pingat kategori berkenaan disampaikan oleh Naib Presiden Persekutuan Wushu Antarabangsa, Patrick Van Campenhout dan Presiden Persekutuan Wushu Brunei, Lim Boon Hwa menyampaikan maskot kepada para pemenang.

Dalam Acara Boy's Nanquan 'A', Zijian Fang dari Republik Rakyat China berjaya mengutip pingat emas, pingat perak Guang Sheng Sing dari Malaysia dan pingat gangsa dimenangi oleh Joel Ng dari Republik Singapura.

Naib Presiden Persekutuan Wushu Antarabangsa, Chan Weng Kit menyampaikan pingat berkenaan, manakala menyampaikan maskot bagi kategori berkenaan disampaikan oleh Setiausaha Agung kejohanan.

Manakala Ramtin Siah-mosh-tehei dari Republik Islam Iran berjaya mengutip pingat emas Acara Boy's Nanquan 'B', pingat perak dikutip oleh Yik Sun Nathaniel Lam dari Hong Kong, China dan Mun Hsun Yu dari Chinese Taipei mendapat pingat gangsa.



SEKITAR Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, 2024 yang diadakan pada sesi petang di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas dan kanan).



WALID LACHKAR PAMER AKSI CEMERLANG, TUAI PINGAT EMAS



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian pingat kepada pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 September. - Atlet Wushu Negara Brunei Darussalam (NBD), Walid Lachkar berjaya

meraih pingat emas bagi Acara Taolu Boy's Daoshu 'A' pada Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 yang berlangsung di

Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sementara penyampaian maskot disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Bagi Taolu Boy's Daoshu 'A', pingat perak dimenangi oleh Jie Ann Wong dari Malaysia dan tempat ketiga diraih oleh Man Lok IP dari Macau, China.

Walid Lachkar ketika ditemu bual Pelita Brunei melahirkan rasa syukur dan gembira kerana telah berjaya meraih pingat emas pada kejohanan tersebut.

"Kemenangan ini adalah sesuatu yang tidak saya sangkakan tetapi alhamdulillah, setelah menjalani

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

latihan selama lebih kurang dua bulan, ia membawa hasil yang memuaskan di mana saya perlu membahagikan masa untuk berlatih dan bersekolah," ujarnya.

Untuk perancangan seterusnya, beliau akan terus giat berlatih sebagai persediaan bagi kejohanan yang akan datang seperti Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA).

Seorang lagi atlet negara, Abel Wee Yuen Lim telah meraih pingat gangsa bagi Acara Taolu Boy's Nando 'A' yang mana pingat emas diraih oleh Lawrence Dean Kurnia dari Indonesia dan pingat perak diberikan kepada Guan Sheng Sing dari Malaysia.

Penyampaian pingat kepada para pemenang disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Teknik dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan penyampaian maskot disampaikan oleh

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengangur Eksekutif, Dr. Mohd. Firdaus bin Abdul Rahman.

Acara Taolu yang diadakan pada sebelah petang ialah Boy's Nando 'A', Girl's Nando 'A', Boy's Taijishan 'A', Girl's Taijishan 'A', Boy's Nando 'B', Girl's Nando 'B', Boy's Nando 'C', Girl's Nando 'C', Boy's Taijijian 'B', dan Girl's Taijijian 'B'.

Para atlet NBD akan meneruskan perlawanan pada esok hari bagi Acara Taolu Girl's Taijijian 'A', Boy's Nangun 'B', Boy's Daoshu 'C', Boy's Gunshu 'A', Girl's Nangun 'B', Boy's Taijijian 'C', dan Girl's Taijijian 'C'.

Sementara Acara Wushu Sanda pula berlangsung di Dewan Serbaguna, KSNHB.



WALID Lachkar ketika ditemu bual Pelita Brunei.

Kejohanan Ten Pin Bowling meriahkan Sambutan Hari Guru



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Peringkat Akhir Kejohanan Ten Pin Bowling sempena Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 kelolaan Kementerian Pendidikan diadakan di Golden Bowling, The Airport Mall.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morsjadi

BERAKAS, Jumaat, 27 September. - Peringkat Akhir Kejohanan Ten Pin Bowling sempena Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 kelolaan Kementerian Pendidikan diadakan di Golden Bowling, The Airport Mall, di sini.

Kejohanan Ten Pin Bowling ini merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Kejohanan dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Individu VIP Lelaki dengan penyertaan seramai 24 peserta, Kategori Individu VIP Perempuan dengan enam peserta, Kategori Berpasukan Lelaki disertai 47 pasukan dan Kategori Berpasukan Perempuan dengan penyertaan 40 pasukan.

Penyertaan bagi kejohanan tersebut telah dibuka kepada pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Dalam Kategori Individu VIP Lelaki dijuarai oleh Profesor Scott Valentine dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan 473 jatuh pin sementara Julaihi Mohamad /Mohamat selaku naib johan dengan 459 jatuh pin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman di tempat ketiga dengan 436 jatuh pin.

Sementara itu, muncul johan bagi Kategori Berpasukan Lelaki ialah pasukan The 10th Pin dari Kluster 6 dengan jumlah jatuh pin sebanyak 1889 pin, manakala naib johan disandang oleh Pasukan C2 Bowlerz dari Kluster 2 dengan 1835 jatuh pin dan di tempat ketiga disandang oleh Pasukan JPKK A dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan 1454 jatuh pin.

Tujuan kejohanan adalah untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan, KHEU bergiat aktif serta berdaya saing dalam sukan.

Muncul johan bagi Kategori Berpasukan Perempuan ialah Pasukan UBD A dengan 1568 jatuh pin, sementara pasukan Pin Dolls dari JPPE dengan jumlah jatuh pin sebanyak 1465 pin dan di tempat ketiga disandang oleh pasukan Tungku Striker dari Sekolah Rendah Tungku (Kluster 3) dengan 1454 jatuh pin.

Selain itu, kejohanan tersebut diharap dapat memupuk semangat

harmoni dan silaturahim dalam kalangan kedua-dua kementerian tersebut.

Kejohanan Ten Pin Bowling ini dianjurkan oleh Jabatan

Kejohanan Wushu Remaja Dunia diteruskan bagi Taolu dan Sanda

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERIBEGAWAN, Jumaat, 27 September. - Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 diteruskan lagi dengan mempertandingkan lapan Acara Taolu yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Acara Taolu yang diadakan pada sebelah pagi ialah Boy's Daoshu 'B', Girl's Jianshu 'A', Girl's Daoshu 'B', Boy's Jianshu 'B', Boy's Daoshu 'A', Girl's Daoshu 'A' dan Girl's Jianshu 'B'.

Seramai 15 peserta lelaki menyertai Acara Taolu Boy's Daoshu 'B', manakala 19 peserta perempuan menyertai Acara Taolu Girl's Jianshu 'A', dan 11 peserta perempuan menyertai Acara Taolu Girl's Daoshu 'B'.

Sementara itu, sembilan peserta lelaki menyertai Acara Taolu Boy's Jianshu 'B', 23 peserta lelaki menyertai Acara Taolu Boy's Daoshu 'A', lapan peserta perempuan menyertai Acara Taolu Girl's Daoshu 'A' dan 16 peserta perempuan menyertai Acara Taolu Girl's Jianshu 'B'.

Atlet Wushu Negara Brunei Darussalam, Walid Lachkar menyertai acara Taolu Boy's Daoshu 'A'.

Manakala pada pertandingan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, telah diadakan Acara Wushu Sanda.



ANTARA aksi daripada salah seorang peserta pada Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9.

Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.



ePaper Pelita Brunei



ACARA TAOLU MULAKAN KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasanah Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BERAKAS, Rabu, 25 September. - Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 membuka tirai kejohanan dimulai dengan Acara Taolu Boy's Dulian 'A' yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pagi tadi.

Pada Acara Taolu Boy's Dulian 'A', Pasukan Ukraine iaitu Bohdan Sabotic, Volodymyr Shynkarenko dan Mykyta Kovalov telah meraih pingat emas dengan kiraan markah 9.243, manakala Chun Yu Chow, Wang Chun Lei dan Tin Lok Lee pasukan dari Hong Kong dengan markah

9.236 mendapat pingat perak sementara pingat gangsa diraih oleh Xin Yun Chua, Joel Ng dan Caleb bin Rong Ng pasukan dari Singapura dengan kiraan markah 9.223.

Berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan pengurnian hadiah kepada para pemenang ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan pengurnian hadiah kepada para pemenang (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang menyertai kejohanan berkenaan.

Darussalam (BDNOC).

Bagi Acara Taolu Girl's Dulian 'A' pula, King Ham Wang, Cho Kiu Tsang dan Cheuk Yin Chung, Pasukan Hong Kong beraksi cemerlang apabila mendapat kiraan markah 9.116 sekali gus merangkul pingat emas. Manakala Pasukan Macau terdiri oleh Ut Leng Cheung, Wun Teng Chang dan Wai Mengkuok mendapat kiraan markah 9.030 berjaya membawa pulang pingat perak sementara pingat gangsa disandang oleh Re Ann Lee, Charlotte Leting Ng dan Lydia Le Xuan Phua Pasukan Singapura yang mendapat kiraan markah 8.953.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan pengurnian hadiah kepada para pemenang (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang menyertai kejohanan berkenaan.

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara penutup bagi sesi pagi kejohanan tersebut dimenangi oleh Chin Wan Tang dari Hong Kong dengan kiraan markah 8.563 bagi Acara Taolu Girl's Nanquan 'C' manakala Sana Panahidorcheh dari Iran dengan markah 8.503 dan San Hei Leong dari Macau dengan markah 8.496 masing-masing mendapat pingat perak dan gangsa.

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Naib Presiden Persekutuan Wushu Antarabangsa (IWUF), Anthony Goh.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 yang disertai oleh 50 buah negara akan berlangsung selama lima hari bermula 25 September hingga 29 September bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bagi Acara Taolu manakala Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bagi Acara Sanda.

Brunei DPMM FC, Hougang United kongsi mata

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Tangkap Layar YouTube Singapore
Premier League

SINGAPURA, Jumaat, 27 September. - Pasukan Brunei DPMM FC dan Hougang United berkongsi satu mata selepas mencatatkan keputusan 2 - 2 dalam saingan Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung malam tadi di Stadium

Jalan Besar, Singapura.

Babak pertama perlawanan menyaksikan Brunei DPMM FC dengan bijak mengawal perlawanan dan seterusnya berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-13.

Gol berkenaan dijaringkan oleh pemain asal Mexico, Julio Cruz menerusi sepakan penalti, susulan pemain pertahanan Hougang United melakukan kekasaran ke atas Gabriel Gama di dalam kotak penalti.

Hougang United seterusnya kurang bernasib baik apabila Ismail Salihovic menjaringkan ke gawang sendiri susulan daripada umpanan yang dilakukan oleh Miguel Oliveira pada minit ke-15.

Pasukan pelawat seterusnya ditimpah musibah apabila pemain utama Brunei DPMM FC, Miguel Oliveira terpaksa dikeluarkan padang setelah mengalami kecederaan pada minit ke-28.

Separuh masa kedua menyaksikan Hougang United melakukan beberapa serangan namun gagal untuk mencetak sebarang gol.

Pada minit ke-74, pemain sayap kiri Hougang United, Stjepan Plazonja yang beraksi cemerlang pada malam tersebut akhirnya berjaya menjaringkan gol setelah dengan bijak melakukan gerakan solo melewati dua pemain pertahanan Brunei DPMM FC.

Brunei DPMM FC seterusnya terpaksa bermain dengan 10 orang pemain apabila Kapten Pasukan Brunei DPMM FC, Azwan Ali

namun berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang Hougang United.

Brunei DPMM FC akhirnya terpaksa akur setelah Stjepan Plazonja sekali lagi melakukan kecasaran pada minit ke-80.

Susulan daripada itu, kedua-dua pasukan saling berbalas serangan dengan Brunei DPMM FC

nyaris sahaja menambah jaringan

menerusi dua percubaan daripada

Hakeme Said dan Gabriel Gama pada minit ke-95.

Keputusan perlawanan kekal 2 - 2 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Hougang United pada Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Tahukah Awda

KEMENTERIAN Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Teknologi EVYD telah mengumumkan pembukaan rasmi Intelligence Hub, Kementerian Kesihatan, di Kampus EVYD, di Jerudong. Pembukaan hab ini adalah sebahagian daripada usaha kementerian untuk mengukuhkan daya tahan ekosistem penjagaan kesihatan Brunei. Hab yang akan menempatkan bersama, Epidemic Intelligence and Response Unit (Bahagian Kawalan Penyakit), berfungsi sebagai pusat pengawasan untuk memantau penyebaran penyakit di seluruh negara; Unit Penyesuaian dan Ketahanan Perubahan Iklim; dan Unit Kesihatan Digital.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi November 2022.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN BIJAKSANA, BERINTEGRITI, JUJUR DAN AMANAH